Hujung Minggu
PELITA BRUNEI
فليتا برونى
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
AKHBAR RASMI KERAJAAN • NEGARA BRUNEI DARUSSALAM •
70 TAHUN 1956-2026

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

DARIPADA Huzaifah bin Yaman Radiallahuanhu bahawa dia mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Penabur fitnah tidak akan masuk syurga". (Riwayat Imam Bukhari).

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.37 | SUBUH 4.47 | SYURUK 6.08 | DUHA 6.31 | ZUHUR 12.06 | ASAR 3.27 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.14
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 136 | 14 NOVEMBER 2026 / 1448 جمادي الأخير 4 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

KEBAWAH DYMM AKAN BERANGKAT MENGHADIRI SIDANG KEMUNCAK ASEAN, AELM



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat ke Majlis Pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48 Tahun 2026 di Mactan Expo, Cebu City, Republik Filipina dan dialu-alukan oleh Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. dan isteri pada 8 Mei 2026. - Foto : Jabatan Penerangan (*Lihat muka 3*)

Pengesanan awal kunci utama tangani diabetes

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 November. - Diabetes merupakan antara cabaran kesihatan awam yang semakin membimbangkan di seluruh dunia.

Menjelang tahun 2050, jumlah individu yang hidup dengan diabetes dijangka mencecah 853 juta orang.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), prevalens diabetes turut menunjukkan peningkatan daripada 9.7 peratus pada tahun 2016 kepada 15 peratus pada tahun 2023, berdasarkan tinjauan kesihatan kebangsaan.

Perkembangan ini menuntut usaha pencegahan dan pengawalan yang lebih menyeluruh, khususnya melalui pengesanan dan intervensi awal.

>> Muka 9

Doa Kesyukuran sempena kepulangan kontinjen IDB VMAT 7/2025

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BOLKIAH GARISON, Jumaat, 13 November. - Markas Angkatan Bersama (MAB) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison sebagai tanda kesyukuran atas kepulangan tiga pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) setelah menamatkan penugasan mereka sebagai Ahli Independent Decommissioning Body, Verification, Monitoring and Assistance Team (IDB VMAT) 7/2025 di Mindanao, Republik Filipina.

>> Muka 7

Pelantikan pegawai kanan kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 November. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi kenaikan pangkat, pertukaran, pelantikan dan penetapan jawatan bagi beberapa orang pegawai kanan seperti berikut :

Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Pemangku Grand Chamberlain, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali untuk dinaikkan pangkat dan dilantik menjadi Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM dan ditetapkan sebagai Grand Chamberlain dan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin untuk ditukar sebagai Setiausaha Tetap (Fiskal) di Kementerian Kewangan.

Seterusnya, Penolong Pengarah Urusan di Agensi Pelaburan Brunei (BIA), Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman untuk dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap (Pelaburan I) di Kementerian Kewangan dan Timbalan Pengarah Urusan (Pegawalseliaan dan Penyeliaan) di Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Dayang Hajah Noorrafidah binti Sulaiman untuk dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap (Pelaburan II) di Kementerian Kewangan.

Tarikh kenaikan pangkat, pertukaran, pelantikan dan penetapan jawatan pegawai-pegawai kanan berkenaan berkuat kuasa mulai Sabtu, 4 Jamadilakhir 1448 bersamaan 14 November 2026.

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

Berita Utama



PENGANUGERAHAN kerakyatan titik permulaan satu amanah besar

Muka 8



ITU PP-26 perkukuh kerjasama antarabangsa bidang telekomunikasi, digital

Muka 10



KERJASAMA serantau perkukuh usaha banteras dadah rentas sempadan

Muka 18



SKBD Ke-V : Medan mencorak jaguh sukan negara

Muka 29

PELITA BRUNEI

Jubli Perak lambang kejayaan, dedikasi, kecemerlangan institusi pendidikan



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) semasa berucap pada Majlis Pelancaran Sambutan Jubli Perak Taman Asuhan Kanak-Kanak dan Sekolah Rendah YSHHB pada Sabtu, 29 Ogos 2026 yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah YSHHB.

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen
Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Ambiae Walmursaleen
Saidina Muhammad Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajama'een
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Pagi

TERLEBIH dahulu, saya ingin merakamkan setinggi - tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak sekolah atas undangan untuk hadir dan seterusnya menyempurnakan majlis pelancaran yang bersejarah ini.

Sambutan Jubli Perak yang kita raikan pada hari ini bukan sekadar memperingati perjalanan 25 tahun sebuah institusi pendidikan, malah menjadi detik untuk kita menilai pencapaian lalu dan melakar hala tuju masa hadapan.

Selama suku abad, Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan Sekolah Rendah Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) telah memainkan peranan penting dalam membentuk generasi muda yang berilmu, berakhlak mulia, berdisiplin dan berdaya saing.

Tema Sambutan Jubli Perak iaitu 'Dibina dengan Dedikasi, Menyemai Wawasan, Menyantun Generasi' jelas menggambarkan perjalanan, perjuangan dan impian sekolah yang telah ditempuhi selama 25 tahun. Perjalanan ini seharusnya menjadi inspirasi untuk kita bukan sahaja mengenang kejayaan yang telah dicapai tetapi juga merancang masa depan yang lebih gemilang. Dunia pendidikan sentiasa berkembang, dan kita perlu memastikan bahawa anak-anak yang dididik hari ini mempunyai keupayaan untuk menghadapi cabaran abad Ke-21 dengan ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai murni dan daya tahan yang tinggi.

Dalam dunia pendidikan yang sentiasa berkembang, TASKA dan Sekolah Rendah YSHHB perlu terus beradaptasi dengan perubahan zaman.

Seiring dengan aspirasi yang sering ditekankan oleh Kementerian Pendidikan, sekolah perlu terus bergerak ke hadapan dengan memperkasakan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah turut memberi perhatian kepada pembangunan karakter, kreativiti, kepimpinan, kemahiran berfikir kritis serta nilai-nilai murni yang menjadi asas kepada pembentukan insan yang seimbang.

Saya percaya bahawa TASKA dan Sekolah Rendah YSHHB akan terus menjadi institusi yang unggul dalam melahirkan generasi yang bersedia menghadapi cabaran masa hadapan, sejajar dengan aspirasi negara dan tuntutan era globalisasi. Semoga sekolah ini terus menjadi pusat kecemerlangan pendidikan yang melahirkan individu yang bukan sahaja berjaya dalam bidang akademik, tetapi juga mempunyai integriti, jati diri dan semangat patriotisme yang tinggi.

Dalam konteks ini, saya amat yakin bahawa TASKA dan Sekolah Rendah YSHHB akan terus menjadi institusi yang unggul dalam melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak mulia, berfikiran kreatif serta mampu menyumbang kepada pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada guru-guru yang menjadi tonggak utama kejayaan pendidikan. Sesungguhnya, dedikasi dan komitmen para pendidik selama ini telah membolehkan kedua-dua institusi ini mencapai pelbagai kejayaan dan mengekalkan kepercayaan masyarakat selama lebih 25 tahun.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua mantan pemimpin-pemimpin sekolah yang pernah berkhidmat di sekolah ini dan akan menerima Anugerah Guru Berjasa. Segala usaha, kepimpinan, pengorbanan dan komitmen yang telah dicurahkan oleh para mantan pemimpin semua adalah asas kukuh kepada kemajuan, kecemerlangan serta pelbagai pencapaian yang dinikmati oleh sekolah pada hari ini. Sesungguhnya, kejayaan yang kita raikan bukanlah hasil usaha satu pihak sahaja, tetapi merupakan kesinambungan daripada sumbangan dan dedikasi warga pendidik yang telah meletakkan batu asas sejak dahulu lagi. Semoga segala jasa dan bakti yang telah dicurahkan akan terus dikenang dan mendapat ganjaran yang berlipat ganda.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para penerima Anugerah 25 Tahun Perkhidmatan pada majlis yang penuh bermakna ini. Anugerah ini merupakan pengiktirafan terhadap kesetiaan, komitmen, dedikasi serta khidmat bakti yang telah dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan dalam mendidik anak bangsa dan menyumbang kepada pembangunan pendidikan negara.

Penghargaan turut ditujukan kepada para alumni dan ibu bapa atas sokongan, kerjasama dan sumbangan yang berterusan. Semoga hubungan erat ini terus diperkukuh demi membantu generasi pelajar masa kini mencapai kecemerlangan.

Dengan semangat sambutan Jubli Perak ini, marilah kita bersama-sama memperbaharui iltizam untuk terus memajukan sekolah ini agar kekal relevan, progresif dan cemerlang. Semoga sekolah ini akan terus menjadi wadah melahirkan generasi yang berakhlak mulia, berpengetahuan luas, celik teknologi dan mampu menyumbang kepada kemajuan negara demi merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

>> Muka 7

WAKTU SEMBAHYANG

NOVEMBER MASIHI	HARI	JAMADILAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
14	SABTU	4	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
15	AHAD	5	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
16	ISNIN	6	4.37	4.47	6.08	6.32	12.06	3.27	6.02	7.14
17	SELASA	7	4.37	4.47	6.08	6.32	12.06	3.27	6.02	7.15
18	RABU	8	4.37	4.47	6.09	6.32	12.06	3.28	6.02	7.15
19	KHAMIS	9	4.38	4.48	6.09	6.32	12.07	3.28	6.02	7.15
20	JUMAAT	10	4.38	4.48	6.09	6.33	12.07	3.28	6.02	7.15

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan	33 25 °C	33 25 °C	32 24 °C
Pekan Bangar	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
Pekan Tutong	30 24 °C	30 25 °C	30 24 °C
Kuala Belait	30 24 °C	30 25 °C	30 24 °C

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 14 NOVEMBER 2026

Kepentingan penyelenggaraan kenderaan sebelum musim cuti sekolah

MUSIM cuti sekolah semakin hampir dan pastinya ramai keluarga sudah mula merancang percutian, pulang ke kampung halaman atau mengunjungi tempat-tempat menarik bersama insan tersayang. Dalam keterujaan membuat persiapan perjalanan, satu perkara penting yang tidak boleh diabaikan ialah memastikan kenderaan berada dalam keadaan baik dan selamat sebelum memulakan perjalanan jauh.

Penyelenggaraan kenderaan atau servis kereta bukan sekadar untuk memastikan enjin berfungsi dengan lancar, malah merupakan langkah penting bagi menjamin keselamatan pemandu dan penumpang sepanjang perjalanan. Keselamatan keluarga menjadi keutamaan apabila mempunyai perancangan membuat perjalanan jauh mengunakan kenderaan sendiri. Kenderaan yang tidak diselenggara dengan baik berisiko mengalami kerosakan secara tiba-tiba, terutama ketika melalui lebuh raya atau kawasan yang jauh daripada bengkel. Masalah seperti brek tidak berfungsi dengan sempurna, tayar pecah atau enjin terlalu panas boleh mengundang bahaya.

Oleh itu, beberapa komponen penting perlu diperiksa sebelum memulakan perjalanan. Antaranya ialah keadaan tayar, tekanan angin, sistem brek, bateri, lampu kenderaan serta paras minyak enjin dan cecair penyejuk radiator. Pastikan juga penyaman udara berfungsi dengan baik bagi menjamin keselesaan, khususnya ketika perjalanan jauh dalam cuaca panas.

Selain meningkatkan keselamatan, servis kenderaan secara berkala juga dapat mengesan kerosakan lebih awal dan mengelakkan kos pembaikan yang lebih tinggi. Tiada siapa mahu percutian keluarga yang telah dirancang terganggu akibat kereta rosak di tengah perjalanan. Pemilik kenderaan juga dinasihatkan supaya tidak menunggu sehingga saat akhir untuk menghantar kereta ke bengkel. Sebaiknya, lakukan pemeriksaan satu atau dua minggu sebelum tarikh perjalanan bagi memberi masa mencukupi untuk sebarang pembaikan atau penggantian alat ganti.

Di samping itu, pastikan kenderaan dilengkapi tayar simpanan, peralatan kecemasan dan kit pertolongan cemas sebagai persediaan menghadapi situasi tidak dijangka. Pemandu juga perlu memastikan diri mendapat rehat yang mencukupi sebelum memulakan perjalanan. Elakkan memandu ketika mengantuk dan berhentilah di tempat yang selamat untuk berehat sekiranya berasa letih. Selain itu, ada baiknya juga memeriksa ramalan cuaca supaya dapat merancang perjalanan dengan lebih baik dan untuk mengelak perkara seperti kenderaan terkandas akibat banjir atau hujan terlalu lebat.

Kesimpulannya, penyelenggaraan kenderaan merupakan satu pelaburan penting demi keselamatan dan ketenangan fikiran. Jangan tunggu sehingga kereta rosak barulah hendak ke bengkel. Sebelum mengemas beg dan memulakan perjalanan bersama keluarga, pastikan kenderaan juga sudah bersedia. Ingatlah, percutian yang menyeronokkan bermula dengan perjalanan yang selamat. Utamakan keselamatan, lakukan servis kereta dan pandulah dengan berhemah. **- Ketua Penyuntingan (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتريتكن اوله جابتن فنراغن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سندیرين برحد، نكارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Kebawah DYMM akan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN, AELM

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-49 dan Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang akan diadakan di Manila, Republik Filipina pada 15 hingga 17 November 2026.

Seterusnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat ke Shenzhen, Guangdong, Republik Rakyat China, bagi menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC Ke-33 (AELM) yang akan berlangsung pada 18 hingga 19 November 2026.

Republik Filipina, selaku Pengerusi ASEAN pada 2026, membawa tema 'Navigating Our Future, Together' yang mencerminkan komitmen Republik Filipina untuk memimpin ASEAN dengan bersepakat, jelas dan bermatlamat dengan tujuan untuk mengemudi rantau Asia Tenggara ke arah daya tahan yang lebih kukuh dan hubungan yang lebih erat serta perubahan bermakna yang meletakkan rakyat sebagai teras kepada kemajuan.

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-49 dijangka akan memajukan perbincangan di bawah ketiga-tiga Tonggak Komuniti ASEAN, berpandukan keutamaan strategik di bawah kepengerusian Republik Filipina, iaitu tonggak keamanan dan keselamatan; koridor kemakmuran; serta pemerkasaan rakyat.

Semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48, para pemimpin telah meluluskan 'Cebu Protocol to Amend the Charter of the Association of Southeast Asian Nations' yang secara rasmi mencerminkan status Republik Demokratik Timor-Leste sebagai Negara Ahli ASEAN dalam Piagam ASEAN.

Protokol tersebut menandakan pindaan pertama terhadap Piagam ASEAN sejak ia mula berkuat kuasa pada 2008.

Sementara itu, Republik Rakyat China menjadi tuan rumah APEC bagi 2026 dengan membawa tema 'Building an Asia-Pacific Community to Prosper Together' dan tiga keutamaan, iaitu Keterbukaan, Inovasi dan Kerjasama.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat menghadiri APEC Economic Leaders' Retreat (Session 2) yang berlangsung di Gyeongju Hwabaek International Convention Center, Gyeongju, Republik Korea pada 1 November 2025.

Mesyuarat Ketua-Ketua Ekonomi APEC merupakan acara kemuncak dalam Minggu Ketua-ketua Ekonomi APEC (APEC Economic Leaders' Week).

APEC ditubuhkan pada 1989 dengan 12 ekonomi pengasas, termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD) dan kini berkembang kepada 21 ekonomi di rantau Asia-Pasifik. Melalui kerjasama erat antara Ahli Ekonomi-ekonomi APEC, forum tersebut berusaha memupuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dan memperkukuh integrasi ekonomi serantau, di samping menggalakkan persekitaran perdagangan dan pelaburan yang bebas, terbuka, adil, telus dan boleh dijangka.

Sebelum ini, Republik Rakyat China pernah menjadi tuan rumah APEC pada 2001 di Shanghai dan pada 2014 di Beijing.

BERANGKAT MENINGGALKAN NEGARA QATAR

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said



DOHA, QATAR, Selasa, 10 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat meninggalkan Negara Qatar setelah menamatkan Lawatan Rasmi selama tiga hari mulai Ahad, 8 November 2026 atas undangan His Highness Sheikh Abdullah bin Hamad Al-Thani, Timbalan Amir Negara Qatar.

Berangkat mengiringi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah sepanjang Lawatan Rasmi berkenaan ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Sebelum berangkat meninggalkan Doha, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Doha bagi menyembahkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia ialah Vice Chair of the Board of Trustees of Qatar Museums, Tuan Yang Terutama Sheikh Thani bin Hamad bin Khalifa Al Thani; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Qatar ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Abdulla Hamad A. A. Al-Marri.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat meninggalkan Negara Qatar. Juga berangkat, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota (atas dan kiri).

Juga hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Negara Qatar, Tuan Yang Terutama Haji Mohamed Bahrin bin Dato Paduka Haji Abu Bakar.

Lawatan Rasmi DYTM ke Negara Qatar merupakan satu peristiwa bersejarah yang menandakan Ulang Tahun Ke-35 Penubuhan Hubungan Diplomatik antara NBD dan Negara Qatar.

Majlis-majlis perjumpaan di Amiri Diwan mencerminkan layanan mesra, persahabatan yang mendalam, serta kerjasama dua hala yang semakin berkembang antara kedua-dua buah negara. Semasa kunjungan hormat kepada His Highness Amir Negara Qatar, DYTM dan His Highness Timbalan Amir telah bertukar-tukar pandangan mengenai usaha-usaha strategik untuk mempelbagaikan ekonomi kedua-dua negara yang kaya dengan sumber minyak serta meneroka peluang baharu bagi memperluaskan pelaburan bersama.

Perbincangan berkenaan diperkukuh lagi dalam majlis perjumpaan seterusnya bersama His Highness Timbalan Amir, yang menumpukan kepada langkah-langkah konkrit bagi mempererat kerjasama dua hala dalam sektor pendidikan, ekonomi, dan pelaburan.

Dalam konteks geopolitik yang lebih luas, DYTM memuji peranan penting Negara Qatar sebagai orang tengah dalam hal ehwal antarabangsa, serta membincangkan potensi kerjasama bagi menyalurkan bantuan kemanusiaan ke Palestin.

Perbincangan tersebut turut menyentuh masa depan, dengan mengetengahkan peristiwa-peristiwa penting bagi NBD menjelang 2027, termasuk Sambutan Jubli Intan 60 Tahun pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Visit Brunei Year 2027.

Lawatan peringkat tinggi berkenaan menjadi asas bagi kerjasama masa depan serta potensi perkongsian dalam bidang penyelidikan, inovasi dan teknologi melalui interaksi-interaksi yang produktif di Qatar Foundation, Education City, dan Qatar Environment dan Energy Research Institute (QEERI).

Pertukaran pengetahuan yang berharga turut diadakan dalam bidang penjagaan kesihatan khusus, kebajikan sosial, dan pemerkasa komuniti semasa lawatan ke Sidra Medicine dan Shafallah Center for Persons with Disabilities.

Selain itu, kerjasama dalam pembangunan bakat belia serta metodologi latihan sukan turut diketengahkan di Paris Saint Germain Football Academy. Pencapaian-pencapaian kolektif berkenaan akan terus memperdalam persefahaman bersama, menggalakkan pembangunan kapasiti yang bermakna, serta menjamin manfaat sosioekonomi jangka panjang bagi generasi akan datang di kedua-dua buah negara.

PELITA BRUNEI

PENGHAYATAN MIB KUNCI MEMPERKUKUH KEDAULATAN NEGARA

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Forum Perdana Majlis Ilmu 2026. Berangkat sama ialah paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM (kiri dan kanan).



BERAKAS, Khamis, 12 November. - Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai tonggak identiti, perpaduan dan kedaulatan Negara Brunei Darussalam (NBD) terus menjadi landasan penting dalam memastikan kesinambungan warisan serta kestabilan negara demi generasi akan datang.

Perkara tersebut antara inti pati yang diketengahkan dalam Forum Perdana Majlis Ilmu 2026 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Berkenan berangkat ke majlis berkenaan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Berangkat sama ialah paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung oleh Penasihat-penasihat Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2026 iaitu Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Turut menjunjung keberangkatan tiba, Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2026 iaitu Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad; Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Forum Perdana Majlis Ilmu iaitu Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar, diikuti dengan sembah alu-aluan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang), selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Forum Perdana Majlis Ilmu 2026.

Forum Perdana ini mengupas secara mendalam tema Majlis Ilmu Tahun 2026, iaitu 'MIB : Tonggak Kedaulatan Negara', dengan menghayati sejarah, asas dan kepentingan falsafah MIB sebagai tonggak identiti serta kedaulatan NBD.

Falsafah MIB telah diisytiharkan secara rasmi sebagai falsafah negara semasa pengisytiharan kemerdekaan NBD pada 1 Januari 1984. Walau bagaimanapun, asas sejarahnya telah berakar umbi sejak lebih 650 tahun yang lalu, bermula dengan pemerintahan Awang Alak Betatar, Sultan Brunei yang pertama, dari tahun 1363 hingga 1402.

>> Muka 5





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan paduka adinda menadah tangan ketika doa dibacakan (atas kiri). Manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada forum berkenaan.





BACAAN doa dipimpin oleh Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie.

ANTARA yang berangkat dan hadir menadah tangan ketika doa dibacakan (atas dan kanan), manakala gambar kanan sekali, forum menampilkan tiga ahli panel yang terdiri daripada Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin; Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dan Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Mohd. Shahrol Azmi bin Haji Abd. Muluk.







DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan paduka adinda dijunjung bergambar ramai.

MIB benteng jati diri, persediaan generasi pelapis hadapi cabaran masa depan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS, Khamis, 12 November. - Tema Majlis Ilmu 2026 iaitu 'Melayu Islam Beraja : Tonggak Kedaulatan Negara' amat bersesuaian pada masa ini bagi memastikan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) terus relevan sebagai pegangan dan amalan hidup rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD), terutamanya generasi pelapis yang akan menerajui negara.

Ini termasuk dalam mendepani pelbagai ancaman dan cabaran dari luar seperti globalisasi, kemajuan teknologi, pengaruh budaya asing serta ajaran agama yang terpesong.

Perkara tersebut ditekankan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu dalam sembah alu-aluannya pada Forum Perdana Majlis Ilmu 2026 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Menurut Yang Berhormat, keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di JPM ke forum berkenaan setentunya menyerikan lagi majlis.

"Dengan tema Majlis Ilmu ini, insyaaAllah akan dapat memupuk kasih dan sayang serta semangat taat setia yang tidak berbelah bagi kepada raja dan negara yang dikasihi; sambil meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat tentang tanggungjawab mengamalkan konsep MIB dan seterusnya membentuk generasi pelapis yang berilmu; beriman; bertakwa dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran masa depan," sembah Yang Berhormat yang juga selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Forum Perdana Majlis Ilmu 2026.

Mengulas lebih lanjut, Yang Berhormat menyifatkan tema tersebut secara keseluruhannya berfungsi sebagai 'perlindungan' serta 'persediaan'.

"Perlindungan yang dimaksudkan adalah memastikan jati diri dan nilai-nilai kebruneian kekal teguh di tengah pergolakan pengaruh luar. Manakala persediaan pula bermaksud mengenal pasti cabaran masa kini dan akan datang lebih awal lagi, agar generasi pelapis dapat menghadapinya dengan berpaksikan falsafah MIB," sembah Yang Berhormat lagi.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat sembah menegaskan bahawa falsafah MIB sewajarnya terus diperkasa dan dipertahankan dari generasi ke generasi.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat menyembahkan keyakinan bahawa dengan berlandaskan MIB sebagai pegangan hidup, NBD, insyaaAllah akan sentiasa dilimpahi dengan keberkatan, kemakmuran dan kesejahteraan.

Oleh itu, semua lapisan masyarakat perlu menghayati dan mengamalkan falsafah MIB agar warisan, kestabilan dan kedaulatan Negara Brunei Darussalam terus terpelihara untuk generasi akan datang.

Majlis turut diserikan dengan sesi penandatanganan Lembaran Kenangan oleh Duli Yang Teramat Mulia sebagai simbol kenangan dan penghargaan terhadap penganjuran Forum Perdana sempena Majlis Ilmu Tahun 2026.

Forum Perdana Majlis Ilmu 2026 diungkayahkan bersama oleh JPM, Kementerian Kewangan, dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di bawah Jawatankuasa Kerja Forum Perdana Majlis Ilmu 2026.

Bagi mendapatkan maklumat mengenai acara-acara dan aktiviti-aktiviti yang akan diadakan sempena Majlis Ilmu 2026, orang ramai boleh mengikuti laman sesawang *www.majlisilmu.gov.bn*.

>> Muka 4

Setelah memeluk agama Islam, baginda menggunakan gelaran Sultan Muhammad Shah, yang menandakan permulaan perkembangan Kesultanan Brunei berteraskan Melayu, Islam dan Beraja.

Forum menampilkan tiga ahli panel yang terdiri daripada Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin; Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dan Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Mohd. Shahrol Azmi bin Haji Abd. Muluk.

Sesi forum dikendalikan oleh Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman selaku moderator.

Antara perkara utama yang dibahaskan ialah peranan MIB sebagai asas kekuatan dan kedaulatan negara.

Selain itu, ketahanan Kesultanan Brunei, penghayatan identiti Melayu, peranan aktif golongan belia serta sistem pendidikan yang berteraskan nilai MIB merupakan faktor penting dalam mengekalkan perpaduan, keamanan dan jati diri negara.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambah.



YANG Berhormat Menteri-menteri Kabinet semasa hadir pada Forum Perdana Majlis Ilmu 2026.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) dalam sembah alu-aluannya.

PELITA BRUNEI

DBM MUNCUL JUARA, RANGKUL PINGAT EMAS BOLA JARING

Oleh : Muhammad Aiman Najib Hamzah
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS, Khamis, 12 November. - Daerah Brunei dan Muara (DBM) berjaya mengungguli acara sukan bola jaring pada Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam Ke-V (SKBD Ke-V), Tahun 2026 selepas menduduki tangga teratas dengan mengumpul sebanyak 11 mata, sekali gus merangkul pingat emas pada kejohanan yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (KSNHB), di sini.

Berkenan berangkat dan seterusnya mengurniakan penyampaian pingat kepada para pemenang, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid.

Pada hari terakhir perlawanan bola jaring berkenaan, kontinjen DBM menentang Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) yang menyaksikan aksi sengit apabila kedua-dua pasukan mempamerkan corak permainan yang kompetitif.

Namun, kelebihan strategi dan kerjasama berpasukan yang mantap membolehkan DBM menguasai perlawanan, sekali gus mencatatkan kemenangan dengan keputusan jaringan 49 - 46.

Sementara itu, perlawanan juga menyaksikan kontinjen Daerah Temburong berjaya menewaskan Majlis Sukan Pasukan Polis Diraja Brunei (MS PPDB) dengan keputusan jaringan 46 - 27, sekali gus mengukuhkan kedudukannya di tempat ketiga keseluruhan.

Keputusan keseluruhan pertandingan menyaksikan kontinjen DBM dinobatkan sebagai pemenang dan membawa pulang pingat emas, manakala pingat perak menjadi milik MS ABDB yang menduduki tempat kedua. Sementara itu, kontinjen Daerah Temburong melengkapkan kedudukan tiga pasukan terbaik dengan meraih pingat gangsa.

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat dan seterusnya mengurniakan pingat kepada para pemenang.



Penganjuran SKBD Ke-V, Tahun 2026 antara lain bertujuan untuk menyediakan platform kepada para atlet mempamerkan kebolehan dan potensi masing-masing, di samping mengenal pasti serta mencungkil bakat-bakat baharu yang berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Selain itu, kejohanan berkenaan juga berperanan dalam memperkukuh pembangunan sukan negara melalui semangat kesukanan, disiplin, kerjasama berpasukan serta persaingan yang sihat dalam kalangan atlet.

Pada masa yang sama, penganjurannya turut memberikan peluang kepada para pegawai teknikal, pengadil dan petugas kejohanan untuk meningkatkan kemahiran, pengalaman serta kecekapan dalam pengendalian pertandingan, sekali gus menyumbang ke arah peningkatan mutu penganjuran kejohanan sukan di negara ini.





ANTARA aksi perlawanan dan penyokong yang hadir menyaksikan perlawanan berkenaan (kiri sekali dan kiri).

Mengenali lebih dekat peranan, fungsi MMN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 November. - Seramai 59 pelajar Tahun 4 dari International School Brunei (ISB), diiringi oleh 10 tenaga pengajar telah mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke Dewan Majlis bagi mengenali dengan lebih dekat peranan dan fungsi Majlis Mesyuarat Negara (MMN), termasuk proses persidangan dan perundangan negara.

Turut berangkat menyertai rombongan tersebut ialah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Lawatan dimulakan dengan sesi taklimat mengenai sejarah penubuhan, fungsi dan peranan MMN sebagai institusi penting di Negara Brunei Darussalam (NBD). Para pelajar turut diberikan penerangan mengenai perjalanan persidangan MMN serta peranan Ahli-ahli MMN dalam membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan dan pembangunan negara.

Sepanjang lawatan tersebut, para pelajar berpeluang mengunjungi Dewan Persidangan MMN, menyaksikan tayangan video serta menyertai sesi simulasi perbahasan di Dewan Mini.

Sesi simulasi telah memberikan pengalaman pembelajaran secara interaktif kepada para pelajar untuk mengenali tatacara perbahasan, termasuk mengemukakan usul, menyampaikan pandangan dan membentangkan hujah.

Aktiviti ini turut memberikan gambaran mengenai kepentingan perbincangan yang teratur, sikap saling menghormati dan proses membuat keputusan secara bermesyuarat.

TURUT berangkat menyertai rombongan tersebut ialah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.



Lawatan Sambil Belajar ini merupakan sebahagian daripada usaha Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat dalam meningkatkan kefahaman dan kesedaran generasi muda mengenai institusi MMN serta peranannya.

Di samping memperkaya pengalaman pembelajaran di luar bilik darjah, program seumpama ini dihasratkan dapat memupuk minat para pelajar terhadap hal ehwal kenegaraan serta menggalakkan kemahiran berkomunikasi dan keyakinan diri.

ISB RAIKAN PENCAPAIAN PELAJAR CEMERLANG

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Brunei

SUNGAI HANCHING, Jumaat, 13 November. - Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) pagi tadi meraikan pencapaian cemerlang graduan Tahun 11 dari kohort 2026 yang memperoleh keputusan cemerlang dalam International General Certificate of Secondary Education (IGCSE) menerusi Majlis Sambutan Pencapaian IGCSE yang berlangsung di Bilik Teater, ISB.

Dalam ucapan alu-aluan, Ketua Tahun 10 dan 11 ISB, Duffy Parry berkata bahawa menamatkan pengajian IGCSE memerlukan ketekunan, daya tahan, keberanian dan keazaman. Menurut beliau, apa yang lebih penting daripada pencapaian gred itu sendiri ialah pembelajaran yang diperoleh para pelajar mengenai diri mereka sepanjang melalui proses tersebut.

"Di samping cabaran membesar dan mengharungi dunia, mereka berjaya memenuhi tuntutan peperiksaan penting ini," katanya.

Kelas Tahun 11 ISB bagi tahun 2026 telah mengharumkan nama sekolah dengan keputusan cemerlang mereka, di mana 23 peratus memperoleh gred A* hingga A, lebih tinggi daripada purata UK iaitu 22 peratus.

Di samping itu, 82 peratus daripada kohort tersebut memperoleh gred A* hingga C, jauh melebihi purata UK iaitu 70.5 peratus. Seterusnya, 77 peratus pelajar memperoleh 5 atau lebih gred A* hingga C, termasuk Bahasa Inggeris dan Matematik, sekali lagi melepasi purata UK iaitu 67 peratus.

Keputusan yang dicapai ini menekankan rekod kecemerlangan akademik ISB sebagai sebuah sekolah inklusif dan mengukuhkan kedudukan sekolah tersebut sebagai pilihan utama untuk pendidikan IGCSE di Brunei Darussalam.

Ketua Sekolah Menengah ISB, Dr. Peter R. Jones berkata bahawa hari tersebut merupakan satu detik penting dalam perjalanan pembelajaran di ISB dan mencerminkan visi sekolah berkenaan iaitu "setiap individu mencapai kecemerlangan".

Menurut beliau, majlis berkenaan menjadi satu sambutan yang amat bermakna bagi menghargai segala usaha, ketekunan dan pencapaian yang ditunjukkan oleh setiap individu serta keseluruhan kohort IGCSE 2026.

"Ini merupakan satu sambutan yang benar-benar istimewa bagi meraikan hasil kerja keras, ketekunan dan pencapaian para pelajar, baik secara individu mahupun keseluruhan kohort IGCSE 2026," katanya.

"Tahniah kepada Kelas IGCSE 2026! Awda telah menunjukkan keazaman, sifat ingin tahu serta kecintaan yang tinggi terhadap pembelajaran. Jadikan pencapaian ini sebagai asas untuk melangkah ke fasa seterusnya sebagai pelajar International Baccalaureate (IB).

"Teruskan usaha untuk berkembang, bertanya dan mengejar kecemerlangan. Kami berharap dapat menyaksikan kamu terus menyerlah dalam Program IB dan seterusnya, dengan memanfaatkan bakat serta suara yang dimiliki untuk membawa perubahan kepada dunia," katanya.



YANG Amat Mulia Pengiran Anak Raqeeqah Raayatul Bolqiah binti Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim antara pelajar graduan yang menerima Sijil IGCSE pada Majlis Sambutan Pencapaian IGCSE yang berlangsung di Bilik Teater, ISB, baru-baru ini.

Majlis tersebut menyaksikan *tutor* Tahun 11 menyampaikan sijil IGCSE kepada pelajar yang bergraduasi.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raqeeqah Raayatul Bolqiah binti Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim antara pelajar graduan yang menerima Sijil IGCSE.

Dr. Jones menyampaikan Anugerah Pencapaian (Attainment Awards) kepada pelajar yang memperoleh keputusan akademik tertinggi.

Penerima Anugerah Pencapaian ialah Jaydaa Ahmed dan Syahindah Sopian, yang masing-masing memperoleh sepuluh gred A*/A; Janae See, yang memperoleh sembilan gred A*/A; Omar Abdelmotaleb, yang memperoleh lapan gred A*/A; Insyirah Johari, Naomi Waite, Pasha Zak dan Sofia Luzuriaga, yang masing-masing memperoleh tujuh gred A*/A; Kayleigh Ang dan Mikail Ramchandani, yang masing-masing memperoleh enam gred A*/A; serta Ghauz Zed, Karim Menisy dan Nafis Sharen, yang masing-masing memperoleh lima gred A*/A.

Di samping itu, Dr. Jones turut menyampaikan Anugerah Kemajuan Tertinggi (Highest Progress Awards), yang mengiktiraf pelajar yang keputusannya menunjukkan kemajuan ketara. Penerimanya ialah Farida Othman, Jaydaa Ahmed, Omar Abdelmotaleb dan Suhail Khan.

Majlis tersebut turut menyaksikan ucapan daripada Ketua Pelajar Lelaki, Pasha Zak dan Ketua Pelajar Perempuan, Kyla Khalidkhan, yang kedua-duanya mengongsikan pengalaman IGCSE mereka dan mengucapkan tahniah kepada rakan sebaya mereka.

Acara kemuncak diserikan dengan persembahan muzik oleh para pelajar.

Majlis tersebut dihadiri oleh graduan Tahun 11 termasuk mereka yang kini berada di Tahun 12 mengikuti Program Diploma IB di ISB, serta ibu bapa, guru dan kakitangan.

Kelayakan IGCSE mendapat pengiktirafan yang dihormati di seluruh dunia, dan program IGCSE di ISB direka dengan teliti untuk menyediakan pelajar bagi peralihan ke Program Diploma IB. IGCSE membina asas pemikiran kritis, pembelajaran pelbagai disiplin dan pemahaman antara budaya dan kemahiran yang sangat dihargai oleh universiti dan majikan di seluruh dunia.

Melalui laluan yang ketat ini, pelajar ISB dilengkapi sepenuhnya dengan kesediaan untuk memulakan Program Diploma IB bertaraf dunia, sebagai persediaan untuk berjaya di universiti, dalam pekerjaan dan dalam masyarakat.

Doa Kesyukuran sempena kepulangan kontinjen IDB VMAT 7/2025



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Kontinjen IDB VMAT 7/2025 diketuai oleh Leftenan Kolonel Pengiran Ridzamfaizal bin Pengiran Haji Salleh bersama dua pegawai iaitu Mejar Muhammad Asri bin Awang Haji Ahmad dan Kapten (U) Pengiran Muddathir Zaki bin Pengiran Haji Baharuddin. Ketiga-tiga pegawai tersebut selamat kembali ke tanah air pada 16 Oktober 2026.

HALUAN

>> Muka 2

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga TASKA dan Sekolah Rendah YSHHB atas pencapaian yang membanggakan sepanjang tempoh 25 tahun ini.

Dalam usaha kita seterusnya, kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mentaufikkan kita ke arah yang diredai-Nya. Dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Pelancaran Sambutan Jubli Perak TASKA dan Sekolah Rendah YSHHB.

Wabillahit Taufik Walhidayah, *Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Doa Kesyukuran berkenaan di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison (atas dan atas kiri).

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Chargé d' Affairés ad interim Kedutaan Republik Filipina di Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Bernadette A. Mendoza; Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan Jawatankuasa Eksekutif ABDB; Atase Pertahanan Kedutaan Besar Republik Filipina di NBD; wakil daripada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; pegawai dan anggota Kementerian Pertahanan serta ahli keluarga kontinjen IDB VMAT 7/2025 yang diraikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah, Surah Al-Mulk dan Asmaul Husna dan diteruskan dengan tazkirah bertajuk 'Kepulangan Yang Penuh Ibrah' yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Agama, Jabatanarah Agama, ABDB (JAMA'AT), Mejar Narulismandy@Anwar Hadi bin Haji Samaih.

Seterusnya, sijil dan cenderahati disampaikan kepada kontinjen IDB VMAT 7/2025 yang diiringi dengan laungan Dikir Marhaban.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan Sembahyang Sunat Hajat dan Sunat Duha, diikuti dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Sejak penubuhan IDB VMAT pada tahun 2019, NBD telah menghantar seramai 30 pegawai ABDB bagi menyokong usaha perdamaian di Mindanao, Republik Filipina. Penyertaan ini mencerminkan komitmen berterusan NBD dalam memelihara keamanan dan keselamatan serantau dan antarabangsa, selaras dengan aspirasi strategik yang digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan.

PELITA BRUNEI

PENGANUGERAHAN KERAKYATAN TITIK PERMULAAN SATU AMANAH BESAR

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS, Khamis, 12 November. - Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman berucap Pengurniaan Sijil Taraf Kerakyatan ini mencerminkan rasa kasih sayang dan pemedulian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap mereka yang telah memenuhi syarat-syarat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Taraf Kerakyatan, Penggal 15.

Menurut Yang Berhormat, penganugerahan kerakyatan ini bukan sekadar pengiktirafan dari segi undang-undang, malah merupakan titik permulaan kepada satu amanah besar untuk terus menjunjung kesetiaan yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, menghayati dan mempertahankan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai landasan kehidupan bernegara dan seterusnya menyumbang secara aktif ke arah kemajuan Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Dengan penganugerahan sijil kerakyatan ini, *biskita* kini menjadi sebahagian daripada keluarga besar NBD untuk bersama-sama memikul tanggungjawab, menjunjung tinggi perlembagaan, mematuhi undang-undang negara serta menghormati adat istiadat dan budaya yang menjadi asas kepada perpaduan masyarakat.

"Penganugerahan ini bukan sahaja memberikan hak sebagai rakyat negara ini, malah turut membawa tanggungjawab untuk *biskita* memainkan peranan penting dan aktif dalam mendukung hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035," jelas Yang Berhormat semasa Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-46 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Brunei, Berakas, hari ini.

Ujar Yang Berhormat lagi, kepelbagaian pengalaman, kemahiran dan latar belakang yang dibawa oleh para penerima sijil taraf kerakyatan pada hari ini merupakan aset yang bernilai dalam memperkukuhkan kemajuan, daya tahan dan kesejahteraan negara.

Sesungguhnya, tambah Yang Berhormat, kekuatan sesebuah negara bukan sahaja terletak pada kemajuan ekonomi dan pembangunan fizikalnya tetapi juga pada kualiti rakyatnya yang bersatu padu, bertanggungjawab, berintegriti dan sentiasa menjunjung kedaulatan negara.

Oleh yang demikian, kongsi Yang Berhormat lagi, kerakyatan yang dianugerahkan pada hari ini hendaklah diiringi dengan semangat patriotisme, rasa syukur dan iltizam untuk terus memelihara keamanan, keharmonian dan kesejahteraan yang telah lama dinikmati oleh NBD.

Setiap rakyat adalah aset strategik negara yang perlu terus meningkatkan ilmu pengetahuan, memperkukuh akhlak dan jati diri, memperkasa keupayaan dan meningkatkan daya saing bagi mendukung aspirasi negara serta menjayakan Wawasan Brunei 2035, ujar Yang Berhormat.

"Sebagai rakyat negara ini, kita hendaklah sentiasa berpandangan jauh, kreatif dan inovatif dalam menghadapi cabaran serta memanfaatkan peluang yang dibawa oleh perkembangan ekonomi dan teknologi.

"Dengan perpaduan yang kukuh, komitmen yang tinggi dan usaha yang berterusan, insyaaAllah untuk menjadikan NBD sebuah negara yang maju dan berdaya tahan, mempunyai rakyat yang berpendidikan tinggi, berkemahiran, kualiti kehidupan yang tinggi serta mempunyai ekonomi yang dinamik dan mampan akan dapat direalisasikan.

"Semoga negara ini terus kekal aman, makmur dan sejahtera di bawah kepimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta sentiasa berada dalam rahmat, lindungan dan keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala jua," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata sumbangan *biskita* kepada tenaga kerja dan pembangunan negara selama ini sangat dihargai, dan dengan penganugerahan taraf kerakyatan ini, sumbangan tersebut diharapkan akan terus diperkukuh.

Biskita, jelas Yang Berhormat, khususnya generasi muda, adalah digalakkan untuk merebut peluang pekerjaan, latihan dan peningkatan kemahiran yang disediakan oleh kerajaan melalui agensi-agensi yang berkaitan. Bagi *biskita* yang menjalankan perniagaan pula, keutamaan hendaklah diberikan kepada pengambilan dan pembangunan tenaga tempatan, sebagai komitmen *biskita* ke arah memperkukuh ekonomi negara.

Dalam era globalisasi dan kemajuan teknologi masa kini, tekan Yang Berhormat, negara tidak terkecuali daripada berhadapan dengan pelbagai cabaran yang semakin kompleks, khususnya yang berkaitan dengan isu-isu sosial.

Kongsi Yang Berhormat, antaranya termasuklah penyalahgunaan dadah, masalah buli, pengangguran, jenayah, penyalahgunaan media sosial untuk menyebarkan maklumat yang tidak sahih serta penyebaran ideologi ekstrem yang berpotensi menjejaskan keharmonian masyarakat dan kestabilan negara.

Oleh itu, tambah Yang Berhormat, usaha pencegahan, peningkatan kesedaran dan pemerkasaan masyarakat akan terus diperkukuh bagi membendung gejala-gejala tersebut serta memastikan kesejahteraan negara sentiasa terpelihara.

Sehubungan itu, jelas Yang Berhormat lagi, setiap rakyat mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk sama-sama mendukung usaha Kerajaan dalam menangani isu-isu sosial.

"Usaha ini memerlukan komitmen semua lapisan masyarakat, bermula daripada institusi keluarga yang berperanan penting dalam membentuk generasi berakhlak mulia, berdisiplin, berilmu dan mempunyai jati diri yang kukuh, serta tidak mudah terpengaruh dengan gejala sosial yang negatif.

"Pendidikan, bimbingan dan pengawasan yang berterusan akan membantu melahirkan warganegara yang bertanggungjawab serta mampu menyumbang secara positif kepada pembangunan negara.

"Pada masa yang sama, setiap anggota masyarakat hendaklah mengamalkan sikap prihatin, bertanggungjawab, saling bekerjasama dan saling menghormati antara satu sama lain. *Biskita* juga digalakkan untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kemasyarakatan di peringkat mukim dan kampung, termasuk melalui Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, serta turut sama membantu menangani cabaran sosial yang dihadapi oleh masyarakat," ujar Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat lagi, semangat kejiranan dan sikap tolong-menolong juga perlu terus diperkasakan, di samping sentiasa berwaspada terhadap pengaruh negatif dan anasir yang boleh menjejaskan keselamatan, kestabilan serta perpaduan negara, demi memastikan NBD terus kekal aman, makmur dan sejahtera.



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa berucap.

Yang Berhormat ingin memetik titah Kebawah DYMM bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang Ke-80 Tahun pada 15 Julai 2026 yang mana antara lainnya titah baginda bertitah, "Kita juga bersama-sama menyaksikan peredaran zaman, dari pembangunan asas kepada pemodenan. Hanya satu sahaja yang tidak berubah iaitu, kepercayaan, kesetiaan dan perpaduan yang menjadi tulang belakang negara sejak dahulu lagi. Demikian, jika kita mahu menjadi bangsa yang kuat, ia bukan diukur dari kemewahan yang dinikmati, tetapi dari keikhlasan bersatu padu menghadapi apa jua cabaran".

Ujar Yang Berhormat, semoga penganugerahan ini menjadi titik permulaan kepada satu perjalanan yang lebih bermakna kepada *biskita* semua, dengan tekad untuk terus berbakti kepada agama, raja dan negara serta menyumbang ke arah menjayakan aspirasi pembangunan negara bagi generasi masa kini dan akan datang.

710 terima Sijil Taraf Kerakyatan NBD

BERAKAS, Khamis, 12 November. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) telah mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-46 yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Majlis berkenaan merupakan salah satu acara rasmi bagi menyampaikan pengiktirafan taraf kerakyatan Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada individu-individu yang telah memenuhi syarat serta mendapat limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Penyampaian Sijil-sijil Taraf Kerakyatan telah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Pada majlis kali ini, seramai 710 penerima telah menerima Sijil Taraf Kerakyatan NBD setelah mendapat limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Para penerima terdiri daripada individu-individu yang telah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan taraf kerakyatan NBD mengikut peruntukan yang ditetapkan di bawah Akta Taraf Kebangsaan Brunei, Penggal 15.



DAYANG Rachel Thien dan Dayang Rebecca Thien Nyuk Yean semasa ditemu bual (kanan dan kanan sekali).

Antara kategori penerima ialah mereka yang memohon di bawah Bab 5(1) dan Bab 8(1), yang telah memenuhi pensyaratan termasuk lulus dalam Ujian Bahasa Melayu secara bertulis dan lisan.

Selain itu, penerima turut terdiri daripada mereka yang layak di bawah Bab 6(1), iaitu anak-anak kepada ibu warganegara Brunei, anak-anak kepada ayah warganegara Brunei serta anak-anak angkat kepada ibu bapa angkat yang merupakan warganegara Brunei.

Turut menerima Sijil Taraf Kerakyatan ialah isteri-isteri kepada suami warganegara Brunei yang memenuhi ketetapan di bawah Bab 5(6) Akta Taraf Kebangsaan Brunei, Penggal 15.

Penyampaian sijil berkenaan menandakan pengiktirafan rasmi terhadap status kerakyatan para penerima setelah melalui proses permohonan dan memenuhi peruntukan serta syarat yang telah ditetapkan.



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyempurnakan Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-46.

Majlis tersebut juga menjadi wadah bagi meraikan para penerima yang kini memperoleh pengiktirafan taraf kerakyatan NBD melalui perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir pada majlis tersebut, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap KHEDN, ketua-ketua jabatan, penghulu-penghulu mukim, Pegawai-pegawai kanan KHEDN serta pegawai dan kakitangan JIPK.

>> Muka 10

PENGESANAN AWAL KUNCI UTAMA TANGANI DIABETES

>> Muka 1

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Hari Diabetes Sedunia 2026 dengan tema 'Tindakan Awal Terhadap Diabetes' (Early Action on Diabetes).

Menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan, tema berkenaan menekankan akan kepentingan mengenal pasti faktor risiko, menjalani pemeriksaan kesihatan serta mendapatkan rawatan yang sewajarnya bagi mencegah atau melambatkan komplikasi penyakit ini.

Diabetes mellitus merupakan penyakit kronik yang berlaku apabila paras glukosa dalam darah meningkat melebihi tahap normal, jelas Yang Berhormat.

Sekiranya tidak dikesan atau dikawal dengan baik, ujar Yang Berhormat lagi, penyakit tersebut boleh mengakibatkan komplikasi serius, termasuk penyakit jantung, strok, kegagalan buah pinggang, gangguan penglihatan dan kerosakan saraf. Lebih membimbangkan, diabetes boleh berkembang tanpa sebarang gejala yang ketara pada peringkat awal, menyebabkan ramai individu hanya mengetahui keadaan kesihatan mereka setelah penyakit tersebut berada pada tahap yang lebih serius.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan anggaran terkini menurut Persekutuan Diabetes Antarabangsa (International Diabetes Federation - IDF), satu daripada sembilan orang dewasa berumur antara 20 hingga 79 tahun di seluruh dunia menghidap diabetes, manakala lebih empat daripada sepuluh individu yang menghidap penyakit ini masih belum menyedari keadaan mereka.

"Di NBD, dianggarkan 44.7 peratus individu yang menghidap diabetes masih belum didiagnosis. Dalam masa yang sama, keadaan pradiabetes, iaitu apabila paras glukosa dalam darah melebihi tahap normal tetapi belum mencapai tahap diabetes, turut memerlukan perhatian serius.

"Individu yang mengalami pradiabetes mempunyai risiko lebih tinggi untuk menghidap Diabetes Jenis 2, namun perkembangan ini boleh dicegah atau dilambatkan melalui pengesanan awal, perubahan gaya hidup dan intervensi yang bersesuaian. Justeru, pemeriksaan kesihatan secara berkala amat penting bagi membolehkan tindakan pencegahan dilaksanakan sebelum berlakunya komplikasi," terang Yang Berhormat.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat menambah bahawa Kementerian Kesihatan akan terus memperkukuh usaha pengesanan awal penyakit tidak berjangkit melalui Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan (National Health Screening Programme - NHSP).

Program berkenaan, jelas Yang Berhormat lagi, membolehkan individu yang berisiko dikenal pasti lebih awal melalui penilaian faktor risiko dan pemeriksaan kesihatan yang bersesuaian, khususnya bagi diabetes dan penyakit kardiovaskular. Kemudahan pendaftaran melalui aplikasi BruHealth turut memperluas akses orang ramai kepada perkhidmatan saringan kesihatan. Oleh itu, masyarakat adalah digalakkan untuk memanfaatkan kemudahan yang disediakan dan mengambil langkah proaktif dalam mengetahui serta memantau status kesihatan masing-masing.

Selain pengesanan awal, Yang Berhormat berkata usaha pencegahan diabetes juga perlu memberikan perhatian kepada faktor risiko yang boleh diubah, khususnya berat badan berlebihan dan obesiti. Pengumpulan lemak berlebihan, terutama di bahagian abdomen, boleh menyebabkan rintangan insulin dan meningkatkan risiko Diabetes Jenis 2.

"Berdasarkan tinjauan STEPS, prevalens obesiti dalam kalangan orang dewasa berumur 18 hingga 69 tahun di NBD telah mencapai 32.4 peratus.

"Bagi menangani cabaran ini, Kementerian Kesihatan melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuk Program Cara Hidup Sihat melalui Workplace and Health (WAH), yang menyediakan bimbingan pengurusan berat badan melalui aktiviti fizikal, pendidikan pemakanan, konsultasi perubatan dan pemantauan berkala.

"Inisiatif Brunei Darussalam on the Move (BNOTM) turut menggalakkan masyarakat untuk kekal aktif dan menjadikan aktiviti fizikal sebagai amalan harian. Usaha-usaha ini mencerminkan kepentingan pendekatan pencegahan yang berterusan dalam membudayakan gaya hidup sihat," ujar Yang Berhormat lagi.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat menegaskan pengesanan awal sahaja tidak mencukupi tanpa tindakan susulan dan pengurusan penyakit yang berkesan.

Secara global, dianggarkan 30 hingga 40 peratus individu yang menghidap diabetes berisiko mengalami penyakit buah pinggang, manakala satu daripada empat mengalami retinopati diabetik yang boleh menjejaskan penglihatan, dan satu daripada tiga mengalami neuropati diabetik atau kerosakan saraf yang boleh meningkatkan risiko kecederaan serta komplikasi pada kaki, terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat menjelaskan komplikasi ini lazimnya berkembang secara beransur-ansur tanpa disedari dan boleh mengakibatkan kerosakan kekal sekiranya tidak ditangani. Namun demikian, risikonya dapat dikurangkan melalui kawalan paras glukosa darah yang optimum, pengurusan tekanan darah dan kolesterol, pematuhan terhadap rawatan serta pemeriksaan susulan secara berkala.

Sehubungan itu, individu yang hidup dengan diabetes hendaklah terus memainkan peranan aktif dalam pengurusan kesihatan masing-masing, dengan sokongan berterusan daripada anggota kesihatan dan keluarga, tambah Yang Berhormat.

Sempena Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2026, Yang Berhormat dalam perutusan seterusnya menyeru untuk kita bersama-sama memperkukuh komitmen untuk bertindak lebih awal, sebelum diabetes dan komplikasinya menjejaskan kesihatan serta kualiti kehidupan.

Tindakan awal bermula dengan kesedaran tentang faktor risiko, kesediaan menjalani pemeriksaan kesihatan dan keazaman untuk mengamalkan gaya hidup yang lebih sihat, tambah Yang Berhormat.

"Amalkan pemakanan seimbang, kekalkan berat badan yang sihat dan lakukan aktiviti fizikal secara konsisten.

"Bagi individu yang hidup dengan diabetes, teruskan rawatan dan pemeriksaan susulan bagi memastikan penyakit ini sentiasa terkawal. Sesungguhnya, pencegahan dan pengawalan diabetes bukan hanya tanggungjawab sektor kesihatan, tetapi memerlukan penglibatan seluruh masyarakat.

"Dengan usaha dan komitmen bersama, *kitani* dapat membina masyarakat yang lebih sihat, berdaya tahan dan produktif, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 untuk mencapai kualiti kehidupan yang tinggi bagi seluruh rakyat dan penduduk NBD," ujar Yang Berhormat.

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan



Majlis Khatam Al-Quran 40 Kali sempena Penubuhan Masjid Bengkurong



YANG Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran 40 Kali Khatam.

Berita dan Foto : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya

BENGKURONG, Jumaat, 13 November. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Bengkurong telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran 40 Kali Khatam sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-40 masjid berkenaan, sebagai salah satu pengisian acara keagamaan bagi memperingati ulang tahun penubuhannya.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Majlis yang berlangsung di Masjid Kampung Bengkurong itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat.

Acara diteruskan dengan bacaan surah-surah khatam Al-Quran yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Ketua Imam Masjid Bengkurong, Awang Md. Zahid Zakwan bin Md. Said, diikuti dengan bacaan Takhtim yang dipimpin oleh Awang Haji Md. Nasrul, manakala bacaan Doa Khatam Al-Quran dan Tahlil dipimpin oleh Awang Md. Hatim Fakhrullah serta Dikir Marhaban.

Majlis turut diserikan dengan pengagihan bunga telur kepada para peserta, diikuti penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Allah Peliharakan Sultan dipimpin oleh Ketua Imam Masjid Bengkurong.

Penganjuran majlis tersebut merupakan antara pengisian keagamaan sempena Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Masjid Kampung Bengkurong Ke-40, di samping menyemarakkan amalan membaca dan menghayati Al-Quran dalam kalangan masyarakat Islam.



PELITA BRUNEI

ITU PP-26 PERKUKUH KERJASAMA ANTARABANGSA BIDANG TELEKOMUNIKASI, DIGITAL

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi



DELEGASI Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (atas dan bawah).

DOHA, NEGARA QATAR, Khamis, 12 November. - Penyertaan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam Persidangan Plenipotensiari Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa 2026 (ITU PP-26) yang diadakan di Doha, Negara Qatar telah membuka peluang bagi memperkukuh kerjasama antarabangsa dalam bidang telekomunikasi dan pembangunan digital.

Persidangan yang diadakan setiap empat tahun di bawah tema 'Together for a connected digital future' berkenaan merupakan badan pembuat dasar tertinggi Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) yang menghimpunkan negara-negara ahli bagi menentukan hala tuju strategik dan keutamaan kesatuan berkenaan, meluluskan pelan strategik dan kewangannya serta memilih barisan kepimpinan tertinggi, Ahli-ahli Majlis ITU dan Lembaga Peraturan Radio.

Di luar persidangan ITU PP-26, NBD turut menyertai Ministerial Programme yang diadakan bersempena dengan Mobile World Congress 2026 Doha (MWC26 Doha), dari 8 hingga 10 November 2026. Program tersebut menghimpunkan menteri-menteri, penggubal dasar dan pemimpin industri bagi membincangkan transformasi digital, daya tahan infrastruktur digital serta teknologi baharu, termasuk Kecerdasan Buatan (AI).

Antara hasil utama program berkenaan ialah pelancaran Doha Ministerial Declaration yang menegaskan komitmen bersama ke arah memajukan pembangunan digital yang inklusif dan mampan serta memperluaskan peluang melalui kesalinghubungan digital.

Penyertaan dalam persidangan dan program berkenaan adalah selaras dengan keutamaan negara di bawah Digital Brunei 2030 dan Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam memperkukuh kesalinghubungan digital, meningkatkan kepercayaan terhadap perkhidmatan digital, membangunkan kepakaran tempatan serta memanfaatkan teknologi baharu bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam dan mewujudkan peluang ekonomi baharu.

Melalui kenyataan dasar negara yang disampaikan semasa ITU PP-26, NBD telah mengetengahkan kemajuan dalam bidang kesalinghubungan digital, termasuk pencapaian skor 95.1 dalam ITU ICT Development Index 2024, antara yang tertinggi di ASEAN.

Kemajuan tersebut menjadi asas bagi memperluaskan perkhidmatan kerajaan digital dan menyokong pendigitalan perniagaan. Kenyataan dasar berkenaan turut menggariskan usaha negara dalam memperkukuh kepercayaan digital melalui Personal Data Protection Order dan pembangunan National Child Online Protection Strategy yang berpandukan ITU Child Online Protection Framework.

Kerjasama dalam bidang-bidang tersebut dapat menyokong usaha memperkukuh perlindungan data peribadi, meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap perkhidmatan digital serta mewujudkan persekitaran dalam talian yang lebih selamat, khususnya bagi kanak-kanak dan golongan belia.

Perbincangan mengenai AI dan teknologi baharu turut meneroka peluang kerjasama teknikal serta pertukaran pengetahuan bagi menyokong pelaksanaan National AI Framework NBD. Peluang tersebut melengkapi usaha berterusan negara dalam membangunkan kepakaran tempatan, meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan serta membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) memanfaatkan penyelesaian AI bagi meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos operasi dan memperkukuh daya saing.

Usaha berkenaan juga menyokong pembangunan kemahiran tenaga kerja tempatan sebagai persediaan menghadapi perkembangan industri digital dan peluang pekerjaan pada masa hadapan. Penglibatan berterusan bersama ITU, khususnya dalam mendukung keutamaan strategiknya bagi tempoh 2028 hingga 2031, turut membuka peluang untuk mendapatkan akses kepada piawaian antarabangsa, kepakaran teknikal dan program pembangunan kapasiti.

Kerjasama tersebut menyokong usaha negara dalam memperkukuh keselamatan siber, melindungi infrastruktur maklumat kritikal serta meningkatkan daya tahan perkhidmatan komunikasi penting, di samping memudah cara kesalinghubungan rentas sempadan yang selamat dan memperluaskan penyertaan NBD dalam ekonomi digital serantau dan global.

Pertemuan dua hala bersama rakan-rakan sejawat di peringkat menteri turut diadakan di luar persidangan ITU PP-26 dan MWC26 Doha bagi meneroka peluang bantuan teknikal dan kerjasama antara institusi. Perbincangan tertumpu kepada usaha memperkukuh infrastruktur digital, membangunkan kepakaran khusus serta meningkatkan keupayaan negara dalam menangani cabaran teknologi baharu.

Delegasi NBD diketuai oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos dan turut disertai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; serta pegawai-pegawai dari Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI).

ITU merupakan sebuah agensi khusus Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi teknologi digital yang bertanggungjawab dalam penyelarasan piawaian telekomunikasi antarabangsa, spektrum frekuensi radio serta memperluaskan kesalinghubungan global.

Sejak lebih 160 tahun yang lalu, ITU telah memainkan peranan penting dalam memudah cara kerjasama antarabangsa dalam bidang telekomunikasi dan pembangunan rangkaian komunikasi global.



710 terima Sijil Taraf Kerakyatan NBD

>> Muka 8

Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-46 ini mencerminkan pelaksanaan tanggungjawab JIPK dalam mengendalikan urusan berkaitan taraf kerakyatan berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di NBD.

Dalam temu bual bersama salah seorang penerima Sijil Taraf Kerakyatan, Dayang Rachel Thien menzahirkan rasa syukur dan setinggi-tinggi penghargaan serta menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta pihak kerajaan atas limpah kurnia perkenan baginda yang membolehkan beliau memperoleh taraf kerakyatan NBD setelah menunggu selama tiga tahun.

Menurut beliau, peluang untuk menjadi rakyat NBD merupakan sesuatu yang amat bermakna, lebih-lebih lagi memandangkan sebahagian besar kehidupan beliau telah dilalui di negara ini. Beliau menjelaskan bahawa beliau dilahirkan di United Kingdom sebelum menetap di NBD sejak berusia dua tahun.

Sepanjang menetap di negara ini, beliau telah mendapat pendidikan bermula dari peringkat sekolah rendah sehingga menamatkan pengajian di Universiti Brunei Darussalam (UBD). Selepas menamatkan pengajian, beliau seterusnya mula bekerja dan masih meneruskan kerjaya sehingga kini.

Beliau turut melahirkan rasa bangga kerana akhirnya berpeluang menjadi rakyat Kebawah DYMM dan menyifatkan penerimaan taraf kerakyatan tersebut sebagai satu penghargaan yang amat besar dalam kehidupannya.

Sehubungan itu, beliau menyatakan komitmen untuk sentiasa taat setia kepada Kebawah DYMM serta berusaha memberikan sumbangan yang bermakna, khususnya dalam sama-sama menjana dan menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara.

Sementara itu, seorang lagi penerima, Dayang Rebecca Thien Nyuk Yean, turut melahirkan rasa gembira dan bersyukur atas limpah kurnia perkenan Kebawah DYMM untuk menerima beliau sebagai rakyat NBD.

Beliau menyifatkan penerimaan taraf kerakyatan berkenaan sebagai satu penghargaan yang amat bermakna dan berjanji akan sentiasa memberikan taat setia serta mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa di negara ini.

Beliau juga menyatakan hasrat untuk terus berbakti dan memberikan sumbangan kepada NBD, khususnya dalam usaha bersama meningkatkan serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Kedua-dua penerima turut menzahirkan penghargaan atas perkenan yang diberikan dan berharap agar dapat terus memainkan peranan sebagai rakyat yang bertanggungjawab serta menyumbang kepada kemajuan dan kesejahteraan NBD.

Hari Bakarih YSHHB 2026 platform tingkatkan usahawan tempatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 November. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) hari ini mengadakan Majlis Pelancaran Hari Bakarih YSHHB 2026 (HBY 2026) yang berlangsung di Kompleks YSHHB, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan HBY 2026 ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB serta Pengerusi Bersama Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB; dan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

HBY merupakan platform perniagaan bagi memperkenalkan produk-produk yang dihasilkan oleh Usahawan Bakarih Yayasan (UBY), iaitu para pengusaha yang mendapat manfaat daripada program bantuan modal perusahaan atau perniagaan di bawah Skim Pembiayaan Kebajikan YSHHB.

Penganjuran HBY 2026 merupakan sebahagian daripada usaha berterusan YSHHB dalam mendukung pencapaian taraf sara diri golongan sasar melalui pemerkasaan bidang keusahawanan.

Selain menyediakan bantuan modal perusahaan atau perniagaan, YSHHB turut memberikan sokongan pembangunan kapasiti, bimbingan serta peluang pemasaran bagi membantu para UBY membina perusahaan yang lebih mampan dan berdaya maju.

Melalui HBY 2026, para UBY berpeluang memperkenalkan produk dan perkhidmatan masing-masing secara langsung kepada orang ramai, mengembangkan rangkaian pelanggan serta memperoleh pengalaman dalam pemasaran dan pengurusan perniagaan, sekali gus mengukuhkan portfolio perniagaan mereka.

Inisiatif berkenaan juga dihasratkan untuk meningkatkan keyakinan dan keupayaan para pengusaha UBY dalam mengembangkan perusahaan masing-masing, seterusnya meningkatkan sumber pendapatan dan kesejahteraan keluarga.



PENGANJURAN HBY 2026 merupakan sebahagian daripada usaha berterusan YSHHB dalam mendukung pencapaian taraf sara diri golongan sasar melalui pemerkasaan bidang keusahawanan.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Hari Bakarih Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah 2026 (HBY 2026) (atas dan bawah).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hasif Matzin



Tahun ini merupakan kali kelima HBY dianjurkan dengan penyertaan seramai 32 pengusaha UBY yang mengusahakan pelbagai jenis perusahaan, termasuk makanan dan minuman, bakeri, kraftangan, pakaian, perkhidmatan serta produk tempatan.

HBY 2026 berlangsung selama 17 hari, bermula 13 hingga 29 November 2026, dari pukul 3.00 petang hingga 9.00 malam, bertempat di Khemah Jualan HBY 2026, Open Plaza, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Selain aktiviti jualan, pelbagai aktiviti menarik turut disediakan untuk para pengunjung, antaranya Fun Fair, Kuiz HBY, Fitness Challenge, Peraduan Mewarna, Kempen Derma Darah, Persembahan Muzikal, E-sport FIFA Tournament, Pet & Reptile Show serta aktiviti tradisional Bamukun.

Sebahagian daripada hasil pendapatan aktiviti Fun Fair akan disumbangkan kepada Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA PMMAMB).

Orang ramai dialu-alukan untuk hadir dan memeriahkan HBY 2026 sebagai tanda sokongan kepada para pengusaha tempatan dalam kalangan golongan sasar YSHHB, selaras dengan semangat 'Mau Bakarih, Sanggup Bajarih Untuk Balurih'.

BYLC 2026 LABUH TIRAI

Berita dan Foto : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Konvensyen Pemimpin Muda Brunei (BYLC) 2026 (kiri dan kanan).



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 November. - Konvensyen Pemimpin Muda Brunei (BYLC) 2026 melabuhkan tirainya selepas berlangsung selama tiga hari dengan pengisian forum, klinik mentor dan aktiviti rangkaian kerja, yang antara lain menyaksikan penyerahan Laporan Wawasan 2035 : Brunei Lens, baru-baru ini.

Konvensyen anjuran Syarikat Pengurusan Kifayah Ar-Razaq itu berlangsung di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Bandar Seri Begawan, dengan penyertaan golongan belia.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Terdahulu, Yang Berhormat berkesempatan untuk menyaksikan Pameran Youth Vision Gallery dan Pavilion Belia.

Majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti bacaan Surah Al-Fatihah serta tayangan video imbas kembali sepanjang hari pertama dan kedua konvensyen.

Antara pengisian utama majlis penutup ialah penyerahan Laporan Wawasan 2035 : Brunei Lens kepada Young Professionals Network, diikuti penyerahan Rapporteur Executive Summary kepada Pejabat Wawasan Brunei dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis turut menyaksikan penyampaian sijil penghargaan kepada para mentor, rakan strategik, rakan kerjasama, penaja dan penyokong konvensyen atas sokongan serta sumbangan mereka dalam menjayakan BYLC 2026.

PELITA BRUNEI

TADBIR URUS DATA DIPERKUKUH, TRANSFORMASI DIGITAL DIPACU





YANG Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar kanan, dialog bertemakan 'Memperkukuh Data Sektoral bagi Pertumbuhan Industri'.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) hari ini memperingati Hari Statistik Kebangsaan 2026 dengan mengadakan sesi dialog peringkat kebangsaan di Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI), yang memberi tumpuan kepada peranan statistik berkualiti tinggi dalam menyokong pembangunan negara menjelang Wawasan Brunei 2035.

Majlis disempurnakan oleh tetamu kehormat, Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.

Hari Statistik Kebangsaan pada tahun ini bertemakan 'Memperkukuh Data Sektoral bagi Pertumbuhan Industri', yang memberi tumpuan kepada kepentingan data dalam mengukur prestasi industri, mengenal pasti cabaran dan peluang pertumbuhan serta membantu kerajaan merancang pembangunan dan sektor swasta membuat keputusan perniagaan yang lebih baik.

Dalam ucapan utama tetamu kehormat, menekankan kepentingan data dalam menyokong pembangunan negara, selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Mesyuarat Pertama Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 bagi Tahun 2025 mengenai peranan data dalam perancangan dan pembuatan keputusan strategik.

Yang Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri turut menggariskan kepentingan penggunaan data dalam menyokong pelaksanaan Pelan Induk Ekonomi, khususnya pembangunan sektor-sektor keutamaan dan usaha kepelbagaian ekonomi negara. Usaha memperkukuh data sektoral memerlukan komitmen dan kerjasama bersepadu seluruh kerajaan bagi memastikan data yang berkualiti, relevan dan tepat pada masanya.

Kerjasama antara kementerian dan jabatan, kata Yang Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri lagi, juga penting bagi menangani jurang data, mengurangkan pertindihan serta meningkatkan keberkesanan perkongsian dan penggunaan data untuk menyokong pembangunan negara.

Tetamu kehormat turut menyatakan bahawa transformasi digital kerajaan membuka peluang untuk memperkukuh integrasi dan perkongsian data antara agensi melalui penggunaan infrastruktur dan platform digital yang lebih berkesan.

Usaha ini jelas Yang Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, dapat meningkatkan kecekapan perkongsian data serta ketepatan masa penghasilan dan analisis statistik, di samping memastikan keselamatan, kerahsiaan dan tadbir urus data terus terpelihara.

Tambah Yang Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri lagi, ekosistem data yang lebih bersepadu dan kerjasama erat antara agensi seterusnya membolehkan data sedia ada dimanfaatkan bagi menghasilkan statistik dan maklumat yang bermakna untuk menyokong perancangan serta pembuatan keputusan yang lebih baik.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Penyelaras Dasar-Dasar Ekonomi), KEPI, Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan), KEPI, Dayang Hajah Mazlizah binti Pengiran Haji Mahalee serta pegawai-pegawai kanan dari jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawah KEPI, dan pihak-pihak berkepentingan.

Dialog bertemakan 'Memperkukuh Data Sektoral bagi Pertumbuhan Industri' yang dikendalikan oleh Pemangku Ketua Pengarah Perancangan Ekonomi dan Statistik, Dayang Heidi Farah Sia binti Abd. Rahman, selaku Moderator bagi membincangkan bagaimana data pentadbiran yang tepat, lengkap dan tepat pada masanya daripada agensi-agensi menyokong statistik negara yang berkualiti.

Data tersebut juga menyokong pemantauan sektoral ke arah kemajuan ekonomi dan Wawasan Brunei 2035.

Perbincangan menggunakan contoh daripada sektor pertanian dan pelancongan untuk menunjukkan penggunaan praktikal data dalam menyasarkan bantuan, memahami prestasi industri dan menilai program.

Dialog tersebut juga menekankan tiga perkara sebagai asas penting bagi perkongsian data dan integrasi digital yang berkesan, iaitu kerjasama antara agensi yang lebih erat, piawaian dan definisi yang seragam, dan tanggungjawab yang jelas dalam penyimpanan rekod. Asas tersebut diperlukan untuk mendukung kerajaan yang berpandukan data.

Majlis berkenaan menyediakan platform untuk berkongsi pandangan, mengenal pasti jurang data dan keperluan data baharu serta meneroka peluang kerjasama antara agensi bagi memperkukuh perkongsian dan penggunaan data.

Sesi dialog tersebut menampilkan penceramah dari Jabatan Perangkaan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Jabatan Perancangan serta Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC).

Perbincangan tersebut mengetengahkan kepentingan membangunkan ekosistem data yang lebih bersepadu dan responsif bagi menyokong penggubalan dasar berasaskan bukti, pembangunan industri serta usaha kepelbagaian ekonomi, selaras dengan keutamaan pembangunan negara.

Sesi berkenaan turut menggalakkan kerjasama yang lebih erat antara agensi bagi memastikan statistik negara kekal relevan, terbuka dan bermanfaat kepada penggubal dasar, pihak industri serta pengguna data yang lain.

Sambutan Hari Statistik Kebangsaan 2026 mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam memperkukuh tadbir urus data, memajukan transformasi digital dan meningkatkan literasi statistik bagi mendukung pembangunan negara serta usaha merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

NBD, Republik Persekutuan Jerman terus memperkukuh kerjasama

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



ANTARA yang hadir pada Majlis Resepsi sempena Hari Kebangsaan Republik Persekutuan Jerman (Day of German Unity).

JERUDONG, Khamis, 12 November. - Kedutaan Republik Persekutuan Jerman di Negara Brunei Darussalam (NBD) mengadakan Majlis Resepsi sempena Hari Kebangsaan Republik Persekutuan Jerman (Day of German Unity) berlangsung di Dewan Utama Berkshire, Tarindak d'Polo, Jerudong, malam tadi.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada isteri kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke NBD, Dr. Imke Börner, diikuti dengan lagu kebangsaan kedua-dua buah negara.

Sementara itu, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke NBD, Tuan Yang Terutama Weert Börner semasa berucap pada majlis tersebut antara lain berkata, hubungan dua hala antara NBD dan Republik Persekutuan Jerman terus memperlihatkan perkembangan positif sepanjang 18 bulan kebelakangan ini, mencerminkan komitmen kedua-dua negara dalam memperkukuh kerjasama melalui pertukaran lawatan peringkat tinggi serta pembangunan kapasiti.

Beliau turut menyentuh mengenai Lawatan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Persekutuan Jerman pada Mei 2026 atas jemputan Presiden Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Frank-Walter Steinmeier.

TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam semasa berucap.



Lawatan Rasmi kali keempat Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Republik Persekutuan Jerman itu merangkumi kunjungan ke Berlin dan Hamburg.

Tuan Yang Terutama Weert Börner turut berkongsi maklum balas positif daripada Bahagian Asia Tenggara di Pejabat Luar Negeri Jerman di Berlin yang menyatakan bahawa banyak perkara mengenai NBD sebelum ini belum mendapat perhatian sewajarnya.

Perkara itu, jelas Tuan Yang Terutama mencerminkan ruang yang luas untuk terus meneroka potensi kerjasama serta memperdalam pemahaman antara kedua-dua negara.

Antara yang hadir pada majlis tersebut ialah pegawai-pegawai kanan kerajaan, ahli-ahli kor diplomatik dan para jemputan khas.

Hubungan diplomatik antara NBD dan Republik Persekutuan Jerman telah terjalin pada 1 Mei 1984. NBD telah membuka Kedutaannya di Bonn pada tahun 1991, sebelum dipindahkan ke Berlin pada tahun 1999.

Kedua-dua buah negara turut menjalinkan kerjasama serta memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dalam pelbagai bidang antaranya perdagangan, pertahanan, pendidikan, kesihatan dan kerjasama teknikal.

PERKUKUH KERJASAMA SERANTAU, MEMACU KUALITI PENDIDIKAN

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Konsortium Pendidikan PISA (Programme for International Student Assessment) Asia Tenggara Kali Pertama Tahun 2026.

GADONG, Rabu, 11 November. - Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam (NBD) pada hari ini telah mengadakan Majlis Penutup Konsortium Pendidikan PISA (Programme for International Student Assessment) Asia Tenggara Kali Pertama Tahun 2026 bertempat di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin, yang juga selaku Ahli Lembaga Tadbir PISA NBD.

Majlis tersebut merupakan kemuncak kepada penganjuran konsortium dengan penyertaan delegasi daripada negara-negara Asia Tenggara, negara-negara rakan dari Asia Timur serta pakar-pakar daripada Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD).

Antara pengisian program pada hari kedua ialah lawatan kerja delegasi ke Sekolah Rendah Mabohai dan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan. Lawatan tersebut merupakan sebahagian daripada pengisian konsortium yang memberi peluang kepada para delegasi untuk mengunjungi institusi pendidikan di NBD.

Pada sebelah petang, program diteruskan dengan Sesi Dialog bertemakan 'Lessons from PISA 2025 Results - Current Challenges and Future Opportunities', yang menampilkan sesi perkongsian daripada pakar-pakar OECD dan delegasi jemputan. Sesi tersebut menjadi platform bagi para peserta untuk bertukar pandangan dan membincangkan cabaran semasa serta peluang masa hadapan berdasarkan dapatan PISA 2025.

Majlis Penutup mendengarkan pembentangan yang merumuskan amalan-amalan terbaik serta dapatan dan pandangan dasar pendidikan hasil PISA 2026 yang dikongsikan sepanjang konsortium oleh pakar OECD.

Sebagai kesinambungan kepada konsortium berkenaan, satu sesi khas akan diadakan pada 12 November ini, yang melibatkan pemimpin-pemimpin sekolah pada sesi pagi dan pemimpin-pemimpin sistem (*system leaders*) pada sesi petang. Sesi tersebut turut merangkumi taklimat keputusan PISA 2025 bagi NBD, di samping bengkel-bengkel interaktif.

Konsortium Pendidikan PISA Asia Tenggara Kali Pertama Tahun 2026 bertemakan 'Advancing Innovative and Sustainable Education: From PISA Evidence to Action', yang menekankan kepentingan penggunaan bukti dan dapatan PISA dalam menyokong pembangunan dasar serta pendekatan pendidikan yang lebih inovatif, responsif dan mampan.

Konsortium yang berlangsung pada 10 hingga 12 November 2026 ini dianjurkan oleh NBD selaku tuan rumah bagi edisi sulung konsortium berkenaan, dengan pelaksanaannya diselaraskan oleh Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan serta Bahagian Perhubungan Antarabangsa, Kementerian Pendidikan. Konsortium ini merupakan satu platform kerjasama serantau yang menghimpunkan negara-negara Asia Tenggara serta negara-negara rakan dari Asia Timur bagi menggalakkan perkongsian pengalaman, amalan terbaik dan pendekatan berasaskan bukti dalam usaha meningkatkan kualiti dan kesaksamaan pendidikan.

Melalui penganjuran konsortium ini, diharap kerjasama serantau, perkongsian ilmu dan amalan terbaik serta jaringan profesional dalam bidang pendidikan akan terus diperkukuh, seterusnya menyumbang kepada usaha meningkatkan kualiti dan kesaksamaan pendidikan di rantau ini.



MAJLIS Penutup mendengarkan pembentangan yang merumuskan amalan-amalan terbaik serta dapatan dan pandangan dasar pendidikan hasil PISA 2026 yang dikongsikan sepanjang konsortium oleh pakar OECD.

Pemerkasaan Pengajian Melayu pacu kelestarian ilmu, warisan

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Siti Rokiah Abdullah, ihsan Universiti Brunei Darussalam

TUNGKU LINK, Rabu, 11 November. - Pengajian Melayu perlu terus diperkasa dan disesuaikan dengan perkembangan teknologi semasa, khususnya kemunculan Kecerdasan Buatan (AI), tanpa mengabaikan usaha memelihara khazanah bahasa, sastera dan budaya Melayu.

Sehubungan itu, Universiti Brunei Darussalam (UBD) melalui Fakulti Sastera dan Sains Sosial dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) menganjurkan Persidangan Antarabangsa Pemartabatan dan Pengantarabangsaan Pengajian Melayu (PAPPPM) 2026 yang berlangsung selama dua hari, mulai 11 hingga 12 November bertempat di UBD.

Persidangan bertemakan 'Pemerkasaan Pengajian Melayu dalam Era AI' itu bertujuan menyediakan platform akademik antarabangsa bagi para sarjana, penyelidik, pendidik dan pengamal bidang berkaitan untuk membincangkan perkembangan serta hala tuju Pengajian Melayu dalam mendepani perubahan teknologi, khususnya kemunculan AI.

Sehubungan itu, majlis perasmian persidangan telah berlangsung pagi tadi yang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin. Majlis telah berlangsung di Pusat Kesenian Pro-Canselor, UBD.

Semasa persidangan dua hari tersebut, PAPPPM 2026 dijangka menghimpunkan lebih 80 pembentang, terdiri daripada lebih 50 ahli akademik dan 30 pelajar dari enam buah negara, iaitu Malaysia, Republik Singapura, Republik Indonesia, Republik Rakyat China, Thailand dan Negara Brunei Darussalam.

Sepanjang persidangan, beberapa sesi utama turut diadakan, termasuk pembentangan ucaptama oleh Profesor Dr. Goh Sang Seong dari USM; Dr. Yabit bin Alas dari UBD; dan Profesor Dr. Oman Fathurahman dari UIN Syarif Hidayatullah Jakarta, Republik Indonesia.

Persidangan berkenaan turut mengetengahkan sembilan subtema yang merangkumi pelbagai dimensi Pengajian Melayu antaranya bahasa, linguistik dan komunikasi digital; kesusasteraan Melayu dan ekspresi kreatif; kajian manuskrip Melayu dan filologi; kemanusiaan digital dan informatika budaya; serta budaya, masyarakat dan identiti dalam dunia global.

Turut menjadi fokus ialah teknologi, AI dan inovasi; penterjemahan dan pemindahan ilmu; kelestarian, etika dan daya tahan budaya; serta kepimpinan transdisiplin dan pendidikan masa hadapan.

Antara pengisian utama persidangan ialah forum khas bertajuk 'Pengajian Melayu dalam Dunia Dipacu Data: Perspektif Linguistik, Politik dan Kejuruteraan Pintar' yang membincangkan kedudukan serta potensi Pengajian Melayu dalam persekitaran ilmu yang semakin dipengaruhi oleh data, teknologi dan pendekatan rentas disiplin.

Selain sesi ucaptama dan forum, persidangan turut menyediakan sesi pembentangan akademik selari bagi memberi peluang kepada para peserta berkongsi hasil penyelidikan, bertukar-tukar pandangan dan meneroka pendekatan baharu dalam bidang masing-masing.

Antara isu yang diketengahkan termasuk kelangsungan bahasa, komunikasi digital, manuskrip Melayu, warisan budaya, penggunaan AI dalam penulisan, penterjemahan dan pendidikan.

Penganjuran PAPPPM 2026 mencerminkan usaha berterusan dalam memperkukuh kedudukan Pengajian Melayu sebagai bidang ilmu yang dinamik dan relevan dalam landskap akademik antarabangsa.

Dalam menghadapi perkembangan teknologi yang pesat, Pengajian Melayu bukan sahaja berperanan memelihara khazanah bahasa, sastera dan budaya, malah perlu meneroka penggunaan teknologi digital bagi memperluas penyelidikan, pengajaran, pendokumentasian dan penyebaran ilmu.

Persidangan itu juga diharapkan dapat membuka lebih banyak peluang kerjasama antara institusi pengajian tinggi, termasuk dalam bidang penyelidikan bersama, penerbitan ilmiah, pertukaran akademik serta pembentukan jaringan penyelidikan di peringkat serantau dan antarabangsa.

Melalui usaha berkenaan, ilmu dan warisan Melayu diharap akan terus didokumentasikan, dikembangkan dan diketengahkan agar kekal relevan dalam menghadapi perkembangan dunia semasa.

PAPPPM 2026 juga diharapkan bukan sahaja menjadi platform pertemuan akademik, malah turut berperanan sebagai pemangkin bagi kesinambungan wacana intelektual, kerjasama penyelidikan dan pengembangan Pengajian Melayu untuk generasi akan datang.



PERSIDANGAN disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan.



PEMBENTANGAN ucaptama oleh Profesor Dr. Goh Sang Seong dari Universiti Sains Malaysia.



ANTARA yang hadir pada Persidangan Antarabangsa Pemartabatan dan Pengantarabangsaan Pengajian Melayu (PAPPPM) 2026.

قليتا برونى
PELITA BRUNEI





Jalan raya selamat, bila adab dan akhlak diamalkan

BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Sesungguhnya, salah satu nikmat Allah Subhanahu Wata'ala yang paling utama bagi umat manusia adalah pengutusan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Melalui Bagindalah, kehidupan kita disirami rahmat, jiwa disinari hidayah dan jalan hidup dipenuhi berkat. Kehadiran Baginda bukan sekadar sebagai seorang tokoh, malah lebih daripada itu, Baginda juga merupakan *uswatun hasanah* contoh terbaik dalam kehidupan, terutama dalam mengasuh dan membentuk akhlak yang mulia. Hal ini ditegaskan melalui hadis riwayat Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

Maksudnya : "*Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan semulia-mulia akhlak*". (Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Justeru, sebagai umat Islam, kita dituntut mencontohi akhlak mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam segenap aspek kehidupan seharian, tidak terkecuali ketika kita berada di jalan raya. Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengajarkan adab di jalan, antaranya menjaga pandangan, tidak menyakiti orang lain dan menyingkirkan perkara yang membahayakan daripada laluan. Prinsip inilah yang perlu kita terapkan di jalan raya pada hari ini.

Oleh itu, suburkanlah diri kita dengan sentiasa bersikap sabar, bertolak ansur dan saling menghormati sesama pengguna jalan raya kerana keindahan adab semasa memandu kenderaan itu juga mencerminkan akhlak seorang Muslim yang sejati.

Kemalangan jalan raya masih meragut nyawa dan mencederakan ramai anggota masyarakat negara ini. Menurut statistik daripada Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR), iaitu dari bulan Januari hingga bulan September 2026, sebanyak 1,001 kes kemalangan jalan raya telah direkodkan, termasuk 14 kes kemalangan maut, manakala 333 kes kecederaan turut dicatatkan. Di sebalik angka-angka tersebut menunjukkan bahawa keselamatan jalan raya ialah tanggungjawab bersama. Ia juga mengingatkan kita supaya tidak memandang ringan setiap tindakan yang boleh membahayakan diri sendiri dan orang lain. Antara adab dan akhlak yang mesti kita jaga ketika berada di jalan raya ialah :

Pertama : Mengutamakan keselamatan diri dan orang lain. Islam melarang keras sebarang bentuk tindakan yang boleh mendatangkan bahaya kepada diri sendiri atau orang lain. Daripada Abu Said Al-Khudri Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "*Tidak boleh melakukan perbuatan yang memudaratkan diri sendiri dan orang lain*". (Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Antara langkah menjaga keselamatan ialah memakai tali pinggang keledar, memastikan anak-anak kecil duduk di tempat duduk keselamatan kanak-kanak, tidak menggunakan telefon bimbit ketika memandu dan tidak memandu dalam keadaan letih atau mengantuk. Perkara ini mungkin nampak kecil. Namun ia boleh menjadi penentu antara selamat atau musibah.

Kedua : Jangan menzalimi atau menyusahkan pengguna jalan raya yang lain. Elakkan tabiat memotong kenderaan sesuka hati, memandu secara berbahaya atau meletakkan kenderaan di tempat yang boleh menghalang laluan awam. Perbuatan tersebut bukan sahaja boleh menyusahkan orang lain bahkan mengundang risiko kemalangan. Oleh itu, memandulah dengan sabar, berhemah dan bertanggungjawab demi menjaga keselamatan bersama. Daripada Abdullah bin Umar Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "*Seorang Muslim adalah saudara bagi Muslim yang lain, dia tidak menzaliminya dan tidak membiarkannya (diserahkan kepada bahaya atau kezaliman)*". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Ketiga : Hormatilah hak pengguna jalan raya yang lain. Berilah laluan kepada pejalan kaki dan kenderaan kecemasan seperti ambulans, bomba dan polis yang sedang bertugas demi menyelamatkan nyawa. Hindarilah sikap mementingkan diri, bertindak kasar dan tidak bertimbang rasa ketika memandu. Sesungguhnya sikap saling menghormati dapat mewujudkan perjalanan yang lebih selamat dan harmoni. Daripada Abu Said Al-Khudri Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "*Jika kamu tetap mahu duduk (di tepi jalan), maka berikan hak jalan itu, para sahabat bertanya : "Apakah hak jalan itu, wahai Rasulullah? Baginda bersabda : "Menundukkan pandangan, tidak mengganggu (orang lain), menjawab salam, menyuruh kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran*". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Keempat : Jangan tergesa-gesa ketika memandu. Sikap tergesa-gesa boleh menyebabkan kita memandu secara berbahaya, melanggar peraturan serta membahayakan diri dan orang lain. Oleh itu, memandulah dengan tenang, sabar dan berhati-hati. Daripada Abdullah bin Abas Radiallahuanhuma, ketika bertolak dari Arafah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mendengar beberapa orang memacu unta dengan laju : Lalu Baginda memberi isyarat dengan cemetinya sambil bersabda yang bermaksud : "*Wahai manusia, hendaklah kamu bertenang, kerana sesungguhnya kebaikan itu tidak diperoleh dengan tergesa-gesa*". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Sesungguhnya sikap tergesa-gesa ketika memandu boleh menghilangkan pertimbangan sehingga menyebabkan seseorang memotong secara berbahaya, melanggar lampu isyarat, memandu terlalu laju dan mengabaikan hak pengguna jalan raya yang lain. Perbuatan ini bukan sahaja membahayakan diri, bahkan boleh mengancam nyawa orang lain.

Kelima : Jagalah tutur kata ketika berada di jalan raya. Jangan jadikan kemarahan atau kesesakan jalan raya sebagai alasan untuk memaki, mencela atau mengeluarkan kata-kata kesat. Ia boleh mencetuskan pertelingkahan dan permusuhan, bahkan membawa kepada perkara yang tidak diingini. Seorang Muslim hendaklah menjaga lisannya dalam setiap keadaan. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "*Barang siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka berkatalah yang baik dan jika tidak, maka diamlah*". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Ketahuilah, bahawa betapa luasnya rahmat Allah Subhanahu Wata'ala yang dibawa oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda bukan sahaja mendidik untuk menjaga adab dan keselamatan di jalan menerusi sabda dan perbuatan Baginda, bahkan Baginda turut membimbing dan mengajarkan doa agar kita dikurniakan akhlak yang baik dan dijauhkan daripada akhlak yang buruk. Daripada Qutbah bin Malik Radiallahuanhu, beliau berkata bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam berdoa :

Ertinya : "*Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada akhlak, amal dan hawa nafsu yang mungkar*". (Hadis Riwayat Imam Tirmizi)

Sesungguhnya akhlak yang mulia hendaklah diamalkan pada setiap masa dan keadaan, termasuk ketika berada di jalan raya. Keselamatan bukan sahaja bergantung pada peraturan lalu lintas tetapi juga sikap setiap pengguna. Memandulah dengan berhemah, bertanggungjawab, sabar serta menghormati hak orang lain agar jalan raya lebih aman dan selamat.

Akhirnya, marilah kita mencontohi akhlak mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam setiap aspek kehidupan, termasuk ketika berada di jalan raya. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala membimbing kita menjadi pengguna jalan raya yang berakhlak, sabar dan saling menghormati serta mengurniakan keselamatan, keberkatan dan rahmat-Nya kepada kita semua. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "*Sesiapa yang taat kepada Rasulullah maka sesungguhnya dia telah taat kepada Allah dan sesiapa yang berpaling (daripada ketaatan itu), maka (janganlah engkau berdukacita wahai Nabi Muhammad) kerana Kami tidak mengutusmu untuk menjadi pemelihara mereka (daripada melakukan kesalahan)*". (Surah An-Nisa, ayat 80)

Meningkatkan kesedaran masyarakat pilih makanan dengan bijak

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 November. - Ke arah membentuk masyarakat yang lebih cakna dan bijak membuat pilihan makanan berdasarkan tuntutan syariah dan ilmu kesihatan pemakanan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) mengadakan Jaulah Fiqh Kontemporari & Barakah Food Fest 1.0 berlangsung di kampus berkenaan.

Hadir merasmikan acara berkenaan, Pemangku Timbalan Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha. Turut hadir, pegawai-pegawai eksekutif, pegawai-pegawai utama, jemputan-jemputan khas, pensyarah, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa mahasiswi KUPU SB.

Dalam forum bertajuk 'Makanan Viral vs Makanan Halalan Tayyiban : Perspektif Maqasid Syariah', elemen kesihatan dan pemakanan telah diketengahkan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan membuat pilihan makanan
yang bijak, khususnya dalam menghadapi pengaruh trend makanan di media sosial.

Masyarakat digalakkan mengamalkan Konsep 3S iaitu 'Semak, Sederhana dan Seimbang' dalam pemilihan makanan.

Pengguna perlu menyemak bahan dan status halal, memastikan aspek kebersihan serta keselamatan makanan, mengawal saiz dan kekerapan pengambilan serta mengutamakan pemakanan yang seimbang.

Acara selama sehari ini juga turut melibatkan sejumlah lebih 40 pengusaha Barakah Food Fest 1.0, terdiri daripada para mahasiswa dan mahasiswi Sarjana Muda Perguruan Ugama dan Diploma Tertinggi Perguruan Ugama yang mengikuti Kursus Pendidikan Keusahawanan di KUPU SB.

Antara lain objektif acara ini diadakan adalah sebagai platform penyampaian ilmu dan memberikan kefahaman khusus mengenai konsep Halalan Tayyiban sekali gus meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan memilih makanan yang halal, bersih, selamat dan berkhasiat.

Selain membincangkan isu-isu kontemporari berkaitan makanan 'viral' dan pengaruh media sosial, ia juga menjadi wadah ilmiah yang relevan lebih-lebih dalam mendalami etika kepenggunaan Muslim yang menepati Maqasid Syariah melalui aktiviti keusahawanan.

Siaran Akhbar dan Foto :
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan



PEMANGKU Timbalan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan hadir pada Jaulah Fiqh Kontemporari & Barakah Food Fest 1.0.

قليتا برونى PELITA BRUNEI

دعاء مموهن كڤد اللّه سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سكل جنيس ڤياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

اَللّٰهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :
"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

(صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ اَلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اية الكرسى

اَللّٰهُ لَآ إِلٰهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۗ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ ۖ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

ذكر بجاءن يڠ ممباوا كبراونتوڠن ساڠت بسر
كڤد ڤڠملڽ (تولق بلاء)

(1)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(2)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(3)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(4)

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


(5)

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

KERJASAMA SERANTAU PERKUKUH USAHA BANTERAS DADAH RENTAS SEMPADAN



Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

MESYUARAT telah dipengerusikan oleh Penolong Pengarah BKN, Awang Zainol Adi bin Haji Ajmain dan disertai oleh wakil-wakil Negara-negara Ahli ASEAN (kanan dan kiri).



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Perdana Menteri telah mempengerusikan Mesyuarat Ke-16 ASEAN Airport Interdiction Task Force (AAITF) yang diadakan secara dalam talian pada 11 November 2026.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Penolong Pengarah BKN, Awang Zainol Adi bin Haji Ajmain dan disertai oleh wakil-wakil Negara-negara Ahli ASEAN.

Turut hadir, Pegawai BKN dan Jawatankuasa Sekuriti Lapangan Terbang.

Berlandaskan semangat solidariti ASEAN, mesyuarat berkenaan merupakan satu platform bagi negara-negara ahli ASEAN untuk bertukar-tukar maklumat, berkongsi pengalaman operasi serta amalan terbaik dalam memperkukuh kerjasama serantau bagi membanteras penyeludupan dadah melalui lapangan terbang.

Mesyuarat berkenaan turut mencerminkan komitmen berterusan NBD dalam memperkukuh kerjasama serantau serta usaha kolektif bagi menangani ancaman pengedaran dadah rentas sempadan.

Wadah ilmiah martabatkan bahasa Arab sebagai bahasa ilmu



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab (FBA) telah memulakan pengisian Mahrajan Bahasa Arab sempena Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia 2026 menerusi beberapa pertandingan yang melibatkan pelajar sekolah-sekolah Arab dan institut tahfiz di Negara Brunei Darussalam.

Mahrajan tahunan tersebut menjadi wadah untuk memartabatkan bahasa Arab sebagai bahasa ilmu dan warisan Islam di samping menggalakkan penggunaannya melalui aktiviti ilmiah yang interaktif dan kompetitif.

Penganjurannya turut membuka ruang kepada para pelajar untuk mengetengahkan bakat, mengaplikasikan pengetahuan serta membina keyakinan dalam kemahiran berbahasa Arab.

Antara aktiviti yang telah berlangsung ialah Pertandingan Terjemah Melayu-Arab-Inggeris pada 4 November 2026 di Auditorium UNISSA yang disertai oleh 15 pelajar Tahun 7 hingga Tahun 9.



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali melalui Fakulti Bahasa Arab memulakan pengisian Mahrajan Bahasa Arab sempena Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia 2026 menerusi beberapa pertandingan yang melibatkan pelajar sekolah-sekolah Arab dan institut tahfiz di Negara Brunei Darussalam (atas dan kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali


Pertandingan berkenaan bertujuan untuk mengasah kemahiran penterjemahan, khususnya dalam aspek ketepatan makna, penggunaan kosa kata dan pemahaman konteks bahasa.

Seterusnya Pertandingan Qiraah al-Akhbar (Membaca Berita) telah diadakan pada 7 November 2026 di Perpustakaan UNISSA dengan penyertaan lapan pelajar. Pertandingan tersebut mengetengahkan kemahiran membaca berita berbahasa Arab dengan memberi penekanan kepada ketepatan sebutan, intonasi, kelancaran dan keyakinan penyampaian.

Pengumuman para pemenang pertandingan akandimaklumkan pada Majlis Penutup Mahrajan pada Januari 2027 nanti.

Penganjuran aktiviti-aktiviti berkenaan mencerminkan komitmen UNISSA dalam memartabatkan bahasa Arab sebagai bahasa ilmu, di samping mencungkil bakat serta meningkatkan penguasaan dan keyakinan berbahasa dalam kalangan generasi muda.

Majlis Perasmian Maharajan Bahasa Arab akan diadakan pada 19 Disember 2026 nanti.



PLATFORM PERKASA SUARA, ASPIRASI BELIA ASEAN





PEMANGKU Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haswandi bin Haji Osman hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada rombongan berkenaan (atas dan kiri).

Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 November. – Seramai tiga orang delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menyertai 5th ASEAN Youth Dialogue (AYD) 2026 and ASEAN Leaders' Interface with ASEAN Youth yang akan berlangsung bermula 11 hingga 16 November 2026 di Manila, Republik Filipina.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada rombongan berkenaan, Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haswandi bin Haji Osman.

Rombongan tersebut diketuai oleh Penolong Ketua Pegawai Belia dan Sukan, Awang Amirul Syazmie bin Haji Ibrahim selaku pegawai Senior Officer Meeting on Youth (SOMY) dan turut disertai oleh dua peserta belia, iaitu Awang Muhammad Faiz Darwisy bin Mohammad Shazatol Rizam; dan Dayang Noorfati'ah binti Nor Hasnul.

Program berkenaan dianjurkan oleh National Youth Commission (NYC) Republik Filipina dan merupakan edisi kelima penganjuran dialog tersebut. Dialog bertemakan 'ASEAN Youth Navigating a Resilient, Digital, and Inclusive Future' tersebut bertujuan menyediakan platform bagi belia ASEAN untuk membincangkan isu, cabaran dan keutamaan belia serantau.

Sepanjang program berkenaan, delegasi akan menyertai sesi perbincangan panel mengenai ASEAN Youth Development Index dan ASEAN Work Plan on Youth, serta bengkel berdasarkan empat keutamaan strategik ASEAN 2026, iaitu pembinaan keamanan dan keselamatan, kemakmuran ekonomi, transformasi digital serta pemerkasa komuniti dan keterangkuman.

Hasil perbincangan dan bengkel tersebut akan dijadikan ASEAN Youth Statement yang akan dibentangkan oleh wakil-wakil belia kepada para Pemimpin ASEAN semasa ASEAN Leaders' Interface with Representatives of ASEAN Youth bersempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-49 pada 15 November 2026 di Manila.

Selain itu, delegasi juga dijadualkan menyertai program kebudayaan bagi mengenali warisan dan budaya Republik Filipina, di samping menjalinkan jaringan bersama belia dari negara-negara anggota ASEAN.

Penutupan sementara laluan kenderaan di Jambatan SHOAS, jalan raya bagi The Brunei Half Marathon 2026

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 November. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi pihak Jawatankuasa Tertinggi Maraton Jambatan SHOAS 2026/2027 ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS) akan ditutup sementara bagi laluan kenderaan mulai pukul 7.00 malam pada 21 November 2026 hingga pukul 10.00 pagi pada 22 November 2026 untuk memastikan kelancaran serta keselamatan penganjuran The Brunei Half Marathon 2026.

Penutupan sementara ini merupakan langkah penting dalam pengurusan trafik dan keselamatan yang telah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan, bagi menjamin suasana perlumbaan yang selamat dan teratur untuk lebih 2,500 peserta dari Negara Brunei Darussalam dan pelbagai negara di seluruh dunia.

Butiran penutupan bagi Jambatan SHOAS dan Jalan Kota Batu (di antara Masjid Kampung Sungai Besar dan Masjid Kampung Serdang) dan Pusing Keliling Temburong ke arah Jambatan SHOAS dapat dilihat dalam infografik yang telah disediakan.

Sepanjang tempoh ini, para pengguna jalan raya yang melakukan perjalanan di antara Bandar Seri Begawan dan Daerah Temburong dinasihatkan untuk merancang perjalanan lebih awal, menjangkakan kemungkinan kelewatan, serta mempertimbangkan laluan alternatif sekiranya perlu.

Pasukan pengurusan trafik yang menyeluruh, papan tanda khas, serta pasukan keselamatan akan ditempatkan di kawasan yang terlibat bagi memastikan kelancaran dan keselamatan semua pengguna jalan raya. Akses bagi kenderaan kecemasan akan dikekalkan pada setiap masa.

Orang awam yang mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan penggunaan jambatan semasa tempoh penutupan terhad (7.00 malam pada 21 November 2026 hingga pukul 10.00 pagi pada 22 November 2026) boleh menghubungi pihak penganjur melalui e-mel: *info@thebruneihalfmarathon.com*.

Jawatankuasa Tertinggi Maraton Jambatan SHOAS 2026/2027 memohon maaf atas sebarang kesulitan yang mungkin dihadapi oleh orang awam sepanjang tempoh penutupan ini. Pihak jawatankuasa juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada orang awam atas kefahaman dan kerjasama yang diberikan. Penutupan sementara ini adalah langkah penting bagi memastikan keselamatan para peserta serta kejayaan penganjuran acara yang berprestij dan signifikan bagi negara.

A) Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS)

Tarikh dan Waktu	Butiran Trafik
10.00 pagi – 12.00 tengah malam **19 November 2026**	Laluan menuju Daerah Brunei dan Muara ditutup. Jalan lencongan disediakan dan laluan di atas Jambatan SHOAS masih **dibuka kepada semua kenderaan** melalui sistem aliran kontra (contraflow traffic system). Para pengguna jalan raya dinasihatkan agar sentiasa berwaspada, mematuhi papan tanda lalu lintas serta memandu dalam had laju yang ditetapkan demi keselamatan bersama.
12.00 tengah malam – 12.00 tengah malam (24 jam) **20 November 2026**	Laluan menuju Daerah Brunei dan Muara ditutup. Jalan lencongan disediakan dan laluan di atas Jambatan SHOAS masih **dibuka kepada semua kenderaan** melalui sistem aliran kontra (contraflow traffic system). Para pengguna jalan raya dinasihatkan agar sentiasa berwaspada, mematuhi papan tanda lalu lintas serta memandu dalam had laju yang ditetapkan demi keselamatan bersama.
12.00 tengah malam – 7.00 malam **21 November 2026**	Laluan menuju Daerah Brunei dan Muara ditutup. Jalan lencongan disediakan dan laluan di atas Jambatan SHOAS masih **dibuka kepada semua kenderaan** melalui sistem aliran kontra (contraflow traffic system). Para pengguna jalan raya dinasihatkan agar sentiasa berwaspada, mematuhi papan tanda lalu lintas serta memandu dalam had laju yang ditetapkan demi keselamatan bersama.
7.00 malam 21 November 2026 **hingga** **10.00 pagi 22 November 2026**	Jambatan SHOAS akan **ditutup kepada semua kenderaan, kecuali kenderaan kecemasan, kes-kes kecemasan serta kenderaan yang telah mendapat kelulusan khas awal**. Sepanjang tempoh penutupan ini, mana-mana kenderaan yang dibenarkan menggunakan jambatan **dilarang berhenti pada bila-bila masa dan hendaklah terus memandu dengan mematuhi had laju yang ditetapkan.**
10.00 pagi 22 November 2026	Laluan menuju Daerah Brunei dan Muara di Jambatan SHOAS masih ditutup. Laluan lencongan disediakan, dan laluan di atas jambatan akan **dibuka semula kepada semua kenderaan** melalui sistem aliran kontra (contraflow traffic system). Para pengguna jalan raya dinasihatkan supaya sentiasa berhati-hati serta mematuhi papan tanda lalu lintas dan memandu dalam had laju yang ditetapkan demi keselamatan bersama.
1.00 tengah hari 22 November 2026	Laluan menuju Daerah Brunei dan Muara dibuka semula.

B) Jalan Kota Batu
(Di antara Masjid Kampung Sungai Besar dan Masjid Kampung Serdang) dan Pusing Keliling Temburong ke arah Jambatan SHOAS.

Tarikh dan Waktu	Butiran Trafik
7.00 malam 21 November 2026	Jalan raya akan ditutup sepenuhnya, dengan akses hanya dibenarkan kepada penduduk setempat serta kenderaan yang telah mendapat kelulusan khas.
10.00 pagi 22 November 2026	Jalan raya akan dibuka semula kepada semua kenderaan.



8 GURU, 36 PELAJAR PROGRAM BTEC TERIMA SIJIL PENGHARGAAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 November. - Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan telah mengadakan Majlis Penyampaian Sijil dan Penghargaan Pelaksanaan Praktikal BTEC Mini Café 2026 yang berlangsung di Lecture Theatre 2, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Profesional), JSS, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Suriani binti Haji Mohd. Hashim.

Majlis tersebut diadakan bagi menghargai komitmen, sumbangan dan penglibatan guru serta pelajar dalam menjayakan pelaksanaan BTEC Mini Café 2026, di samping memberikan pengiktirafan terhadap usaha dan pencapaian mereka sepanjang mengikuti program berkenaan.

Program BTEC Mini Café 2026 telah dilaksanakan bermula pada 27 Julai hingga 3 Oktober 2026 dengan melibatkan tiga sekolah menengah kerajaan iaitu Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

Seramai lapan guru dan 36 pelajar Program BTEC telah terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program tersebut.

Pelaksanaan Program BTEC Mini Café 2026 merupakan salah satu inisiatif Unit Program-program Khas, JSS, Kementerian Pendidikan yang diselaraskan oleh Pegawai Fokal BTEC Mini Café, Dayang Fatimah binti Md. Jaafar, dengan kerjasama pihak sekolah dan guru-guru BTEC Hospitality yang terlibat.

Pelaksanaan BTEC Mini Café merupakan salah satu inisiatif pembelajaran berasaskan amali yang memberikan peluang kepada para pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari melalui pengalaman dalam persekitaran kerja sebenar.

Melalui program ini, para pelajar berpeluang meningkatkan kemahiran dalam bidang penyediaan makanan dan minuman, pengendalian pelanggan, pengurusan pesanan, pengendalian pembayaran serta aspek kebersihan dan keselamatan makanan.

Selain itu, program berkenaan turut menjadi platform bagi membentuk kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar, khususnya dari segi komunikasi, kerja berpasukan, pengurusan masa, disiplin, keyakinan diri dan tanggungjawab dalam melaksanakan tugasan yang diberikan.

Turut hadir, Ketua Pusat Keusahawanan Inovasi, Kementerian Pendidikan, Awang Adna Shatriremie bin Haji A. Abdul Rahman, ketua-ketua unit dan wakil-wakil dari JSS serta timbalan-timbalan pengetua daripada ketiga-tiga buah sekolah yang terlibat.



SESI bergambar ramai pada Majlis Penyampaian Sijil dan Penghargaan Pelaksanaan Praktikal BTEC Mini Café 2026 yang berlangsung di Lecture Theatre 2, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

Semasa majlis berkenaan, para pelajar Program BTEC dari tiga buah sekolah telah menyampaikan kongsi sama, diikuti dengan penyampaian sijil penyertaan kepada para pelajar BTEC dan sijil penghargaan kepada pihak sekolah dan guru-guru Program BTEC sebagai tanda pengiktirafan atas kerjasama, komitmen serta sumbangan mereka dalam menjayakan Program BTEC Mini Café 2026.

Penganjuran majlis seumpama ini diharap akan dapat meningkatkan motivasi dan semangat para pelajar untuk terus mengembangkan kemahiran vokasional serta mengaplikasikan ilmu yang diperoleh dalam situasi pekerjaan sebenar.

Di samping itu, inisiatif ini diharap dapat memperkukuh kerjasama antara JSS, Kementerian Pendidikan dengan pihak sekolah dalam memastikan pelaksanaan program BTEC terus relevan, berkualiti dan memberikan manfaat kepada para pelajar.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan BTEC Mini Café 2026 mencerminkan komitmen JSS, Kementerian Pendidikan dalam memperkasa pendidikan berasaskan kemahiran melalui pendekatan pembelajaran secara praktikal, sekali gus menyediakan para pelajar dengan kemahiran dan pengalaman yang bersesuaian dengan keperluan dunia pekerjaan.

NBD komited memperkasa kecemerlangan tenaga kerja, kepimpinan



PARA delegasi memulakan atur cara rasmi dengan menyertai kelas *master* eksekutif khusus yang membincangkan strategi organisasi kalis masa depan.

Siaran Akhbar dan Foto : Sparks Ventures Enterprise

BANGKOK, THAILAND, Khamis, 12 November. – Seramai 15 delegasi korporat dan pemimpin industri dari Negara Brunei Darussalam (NBD) telah tiba di Bangkok untuk mewakili negara dalam persidangan dan Anugerah Asia HRD Congress & Awards 2026 anjuran SMR Malaysia, yang berlangsung di Millennium Hilton Bangkok dari 12 hingga 13 November 2026.

Diterajui oleh Sparks Ventures (SVE) selaku Rakan Kongsi Rasmi Negara (Country Partner) bagi Anugerah HRD Asia di NBD, delegasi berkenaan menyertai pemimpin industri serantau, pembuat dasar dan perintis modal insan dari seluruh Asia.

Penyertaan tersebut mengetengahkan komitmen berterusan NBD terhadap kecemerlangan tenaga kerja dan inovasi kepimpinan, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Selepas ketibaan di ibu kota Thailand, para delegasi memulakan atur cara rasmi dengan menyertai kelas *master* eksekutif khusus yang membincangkan strategi organisasi kalis masa depan. Tumpuan kini beralih kepada Majlis Anugerah Gala Asia HRD 2026, dengan organisasi dan tokoh korporat terkemuka NBD dijadualkan menerima pengiktirafan dan anugerah serantau berprestij di pentas antarabangsa.

Walaupun butiran penuh masih dirahsiakan sebelum majlis bermula, pengumuman berkenaan dijangka membawa kebanggaan besar kepada negara. Persidangan dua hari tersebut akan diteruskan pada Jumaat, 13 November 2026, dengan persidangan antarabangsa sehari penuh yang menampilkan panel-panel kepemimpinan transformatif.

Menurut Pengiran Haji Mohd. Azlan bin Pengiran Haji Tengah Omar, iaitu jurucakap Sparks Ventures menyatakan penyertaan NBD pada tahun ini amat membanggakan dan malam gala berkenaan bakal menjadi pencapaian bermakna bagi pemimpin korporat serta institusi kita.

"Kami tidak sabar untuk meraikan kejayaan mereka berdiri sebaris dengan yang terbaik di Asia," ujarnya lagi.





JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
TERMINAL / 2026-2027 / SH-10
The Provision Of Six (6) Months Maintenance Services And Supports For TOA SX-2000 Series Public Address System At Brunei International Airport, Department Of Civil Aviation

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
Rabu,
11 November 2026

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
Selasa,
24 November 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
25 November 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
ANS / 2026 / SH-07 (R)
Renovation Work For Air Traffic Service Centre, General Office, Department Of Civil Aviation

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
Rabu
11 November 2026

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
Selasa
24 November 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu
25 November 2026
tidak lewat jam 2.00 Petang

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Syarat-Syarat Dan Peraturan Dalam Menyertai Sebut Harga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / LTK / PE / 01-10 / 2026-2027
12 Months Term Contract For Electrical Maintenance At Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
28 Jamadilakhir 1448H / 8 Disember 2026M,
tidak lewat jam 2.00 Petang

Syarat- Syarat Dan Peraturan Dalam Menyertai Sebut Harga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / PE / 02-10 / 2026-2027
24 Months Term Contract For Rubbish Collection Services At Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
22 Jamadilakhir 1448H / 02 Disember 2026M,
tidak lewat jam 2.00 Petang.

KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Makluman Pemberitahuan Sebut Harga

Sebut Harga dibukakan Syarikat-Syarikat dan Pemborong-Pemborong yang berdaftar dengan agensi-agensi kerajaan di dalam kelas II, III dan keatas serta mempunyai kategori kerja dalam pembekalan dan perkhidmatan.

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
18 / MFA-ICC-Q / 2026-27
Term Contract Repair Works For International Convention Centre, Berakas, Ministry Of Foreign Affairs, Negara Brunei Darussalam For A Period Of Six (6) Months - FSOR

Bayaran Yuran Dokumen:
BND5.00
(tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
25 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
01 / NOV / 2026 / KKBS / PR
Membekal Dan Menghantar Barang Dan Peralatan Kamera Bagi Kegunaan Unit Perhubungan Awam, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis
26 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

MOE / LTK / 49 / 2026 / 2027 (JPPE-OKT-2026)
Replacement Of Damaged Air-Conditioner For Ministry Of Education Zone 4 (Tutong), Negara Brunei Darussalam - Phase 2.

Kelas :
III / IV

Kategori :
M01

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND100.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 50 / 2026 / 2027 (JPPE-OKT-2026)
Replacement Of Damaged Air-Conditioner For Ministry Of Education Zone 5 (Belait), Negara Brunei Darussalam - Phase 2.

Kelas :
III / IV

Kategori :
M01

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND100.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 51 / 2026 / 2027 (JPPE-OKT-2026)
Replacement Of Damaged Air-Conditioner For Ministry Of Education Zone 3 (Brunei Muara 3 & Temburong), Negara Brunei Darussalam - Phase 2.

Kelas :
III / IV

Kategori :
M01

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND100.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 52 / 2026 / 2027 (JPPE-OKT-2026)
Replacement Of Damaged Air-Conditioner For Ministry Of Education Zone 1 (Brunei Muara 1), Negara Brunei Darussalam - Phase 2.

Kelas :
III / IV

Kategori :
M01

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND100.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 53 / 2026 / 2027 (JPPE-OKT-2026)
Replacement Of Damaged Air-Conditioner For Ministry Of Education Zone 2 (Brunei Muara 2), Negara Brunei Darussalam - Phase 2.

Kelas :
IV / V

Kategori :
M01

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND500.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 54 / 2026 / 2027 (JPPE-OKT-2026)
Replacement Of DX Systems At Pusat Tingkatan Enam Sengkurong, Negara Brunei Darussalam

Kelas :
Terbuka

Kategori :
M01

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup Dan Waktu Dilanjutkan Sehingga:
Selasa
17 November 2026
Tidak Lewat
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Unit Teknologi Maklumat, Divisyen Pengurusan Korporat dan Sumber Manusia Kementerian Pembangunan

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2026 / Q22
Invitation For Supply And Subscribe To Lovable Pro Plan For 1 Year

Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen Sebut harga:
BND9.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Sabtu,
14 November 2026

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:
Khamis,
3 Disember 2026

Tarikh Tutup:
Isnin,
7 Disember 2026
Jam: Sebelum 9.00 Pagi

JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0039 / 2026 (R)

Tajuk Sebut Harga:
Replace, Supply And Install Outboard Motor And Related Accessories For Boat Cabin No.1 BG0404, Department Of Fisheries

Tarikh Tutup:
Khamis, 26 November 2026

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0058 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract For Plumbing And Sanitary Works In The Building And Vicinities Of The Department Of Fisheries, Negara Brunei Darussalam For 24 Months

Tarikh Tutup:
Khamis, 26 November 2026

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0057 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Repair Works At House No. 3 Flat G, Kg. Sabun, Department Of Fisheries

Tarikh Tutup:
Khamis, 26 November 2026

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0056 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
To Conduct Maritime Navigation Training Course For Local Commercial Fishing Vessel In Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Khamis, 26 November 2026

KEMENTERIAN KEWANGAN

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
MOFE / UPAH / Q / 2026-3 Kerja-Kerja Pembekalan Dan Pemasangan "Dual Sided Card Printers And Equipments" Bagi Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran / Dokumen:
Percuma

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Sabtu
21 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Pusat Pembangunan Belia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
11 / 2026 / KKBS / PPB / 13 Kontrak Penggal 24 Bulan Bagi Pembekalan Dan Penghantaran Ink Cartridge & Toner Di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup :
Khamis,
19 November 2026

JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDT / KPD / 07 / 2026-2027 Repair And Repainting Works For Mitsubishi Pickup BG4825

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Isnin, 23 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut harga** dan dialamatkan kepada **Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada Khamis, 10 Disember 2026.

Borang Sebut Harga:
BND7.00

JPt / SH / 96 / 2026 - 2027
Melaksanakan Penyelenggaraan Water Purification System Bagi Makmal Veterinar

JPt / SH / 97 / 2026 - 2027
To Perform Services Preventive Maintenance For Microscope And Absorbance Microplate Reader & Washer In Veterinary Laboratory Services

JPt / SH / 98 / 2026 - 2027
Term Contract For Air-Conditioning System Maintenance And Other Required Works At Zone 'D' (Belait And Tutong District) Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan For A Period Of Two (2) Years

JPt / SH / 99 / 2026 - 2027
Provision Of Laboratory-Based Molecular Identification And DNA/RNA Sequencing Services For Plant Pathogenic Microorganisms

JPt / SH / 100 / 2026 - 2027
Membekal dan Menghantar Kit Pemantauan Kebersihan Bagi Makmal Mikrobiologi

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pemotongan Pokok Dan Pembersihan Kawasan

DA / JKSH / 146 / 2026 / 2027 [UPPK-NOV-2026]
Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pemotongan Pokok Dan Pembersihan Kawasan, Di Kawasan Perumahan Kerajaan Kampus IBTE Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam.

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu,
28 November 2026
Jam 9.00 Pagi

PERATURAN PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :
iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Tawaran Bagi

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JPA / RKN / 1208-009
The Supply, Delivery, Installation, Integration, Testing, Training And Commissioning Of The Surface Movement Radar (SMR) System And Provision Of Other Related Services

Kepada:
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
27 Oktober 2026

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
8 Disember 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
12 Januari 2027
(Tidak lewat
jam 2.00 Petang)

KEMENTERIAN KEWANGAN

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KKW / BTM / PROC / 2026 / 2
Pembekalan Komputer Tablet Untuk Kegunaan Kementerian Kewangan Dan Bahagian-Bahagian Di Bawahnya

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Sabtu,
14 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / LE / TA / 1005
Pembelian Alat Ganti Kenderaan Jenis Land Rover Kepunyaan Unit-Unit ABDB

Yuran Tawaran:
BND 10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 24 November 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 1 Disember 2026.

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / IL / TA / 1001
Pembelian Dan Pemasangan Roller Blinds Bagi Pejabat Perumahan Penanjong Garison, Pejabat Gaji Institut Latihan ABDB Dan Kawalan Padang Tembak Institut Latihan ABDB Dan Sekolah Pertukangan Tentera Institut Latihan, Penanjong Garison

Yuran Tawaran:
BND 10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 24 November 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 1 Disember 2026.

KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
KEPI / BKSM / LTK / ASET / 01 / 2026-2027.
24-Months Term Contract For Janitorial Services At Ministry Of Economy, Trade And Industry Buildings.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
8 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDT / KPD / 08 / 2026-2027
Renovation, Upgrading And Repainting Works To Balai Raya Kampung Merimbun Tutong

Yuran Tawaran:
BND5.00

JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKED / TAWARAN / UPA / BHEK / Q / 2026-21
Kerja-Kerja Pembaikan Atap Dan Siling Bangunan Pejabat Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Cawangan Muara, Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
17 November 2026
Jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran :
Isnin, 23 November 2026
Jam 2.00 Petang

سوروهنجاي ڤرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI **WWW.RECRUITMENT.GOV.BN**

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.



1. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap *Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan
4. Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapkan Maklumat (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan professional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)

+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn Talian Whatsapp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam PSC.BN

	JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1.	**PEMBANTU PERPUSTAKAAN TINGKAT II** KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA D.1-2 EB.3 (BAHAGIAN IV) 2026/NOV/01/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	01	7(A)	23 NOVEMBER 2026
2.	**PENYELIA BANGUNAN TEMPAT PERHENTIAN** JABATAN PENERBANGAN AWAM C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2026/NOV/01/KPI	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	02	7(A)	23 NOVEMBER 2026
3.	**PENOLONG PEGAWAI SUMBER MANUSIA** KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2026/NOV/01/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	01	7(A)	23 NOVEMBER 2026

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

KEMENTERIAN KESIHATAN

1. Bilangan Tawaran:
KK / 252 / 2026 / ESTETMOH (TC)

Keterangan:
The Provision Of Cleaning Services For The Ministry Of Health Complex, Jalan Menteri Besar For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

2. Bilangan Tawaran:
KK / 253 / 2026 / UPP

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Colposcopy System For Obstetric & Gynecology, Women And Children Centre Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Yuran Tawaran:
BND10.00

3. Bilangan Tawaran:
KK / 254 / 2026 / SSBH

Keterangan:
To Supply And Install Public Address (PA) System At Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait

Yuran Tawaran:
BND 50.00

4. Bilangan Tawaran:
KK / 255 / 2026 / LAB

Keterangan:
The Provision Of Outsourcing Laboratory Tests For National Haematology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Months Usage

Yuran Tawaran:
BND 30.00

5. Bilangan Tawaran:
KK / 256 / 2026 / LAB (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Blood Gas Tests Reagents And Consumables With Equipment Rental Blood Gas Testing Program For Point Of Care Testing Section, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND500.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak lewat 17 November 2026, Jam 2.00 petang

KHAZANAH BIODIVERSITI HUTAN NEGARA TERUS DIDOKUMENTASIKAN

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Ihsan Universiti Brunei Darussalam



COUNTRY Head (Brunei) of Hibiscus EP (Brunei) B.V. (HEB), Ir. Dr. Ngiam Shi Song hadir selaku tetamu kehormat pada pelancaran tiga judul terbaharu dalam Siri Buku Panduan Lapangan IBER yang memfokuskan kepada kepelbagaian fauna di Taman Negara Ulu Temburong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 November. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) melalui Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Alam Sekitar (IBER) melancarkan tiga judul terbaharu dalam Siri Buku Panduan Lapangan IBER yang memfokuskan kepada kepelbagaian fauna di Taman Negara Ulu Temburong.

Tiga terbitan buku berkenaan ialah Herpetofauna of Ulu Temburong, Freshwater Fauna of Ulu Temburong dan Birds of Ulu Temburong, yang dilancarkan pada majlis yang berlangsung di Ruang Bicara Minda, Perpustakaan UBD.

Buku-buku tersebut dihasilkan melalui penyelidikan lapangan yang meluas oleh pakar biodiversiti IBER, sebagai usaha mendokumentasikan serta memperkenalkan kekayaan biodiversiti dalam ekosistem hutan negara yang masih terpelihara dan tidak terusik.

Siri buku panduan lapangan berkenaan mengetengahkan kepelbagaian spesies reptilia, amfibia, ikan air tawar, invertebrata akuatik dan burung yang terdapat di Taman Negara Ulu Temburong, satu-satunya taman negara di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Antara penemuan penting yang diketengahkan dalam penerbitan tersebut termasuk spesies baharu ikan keli, *Pterocryptis vorax*, spesies burung yang jarang ditemui, Spectacled Flowerpecker (*Dicaeum dayakorum*), katak Belalong Tree Frog (*Leptomantis belalongensis*); serta Bornean Earless Monitor Lizard (*Lantanothus borneensis*), satu-satunya spesies yang diketahui masih wujud dalam famili *Lanthanoidae*, iaitu satu keturunan purba spesies cicak.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh tetamu kehormat, Country Head (Brunei) of Hibiscus EP (Brunei) B.V. (HEB), Ir. Dr. Ngiam Shi Song.

Turut hadir, Pemangku Naib Canselor UBD, Dr. Haji Abdul Hanif bin Dato Paduka Haji Mahadi; Pemangku Pengarah Perhutanan, Awang Reni bin Haji Yahya; Ketua Pegawai Projek Brunei Energy Services and Trading (BEST), Pengiran Haji Amirrudin bin Pengiran Haji Razali; Pengurus Aset UJV, Shell Deepwater Borneo B.V., Eunice Keasberry; serta pengetua-pengetua sekolah yang dijemput.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengarah IBER, Profesor Madya Dr. Rahayu Sukmaria Haji Sukri, selaku Ketua Projek Siri Buku Panduan Lapangan IBER menjelaskan bahawa penerbitan ketiga-tiga judul terbaharu tersebut membolehkan masyarakat meneroka dengan lebih mendalam kepelbagaian burung, herpetofauna dan fauna air tawar di Taman Negara Ulu Temburong serta Pusat Pengajian Lapangan Kuala Belalong (KBFSC), UBD.

Beliau turut menekankan potensi siri penerbitan tersebut sebagai wadah penting untuk memperluas pengetahuan mengenai biodiversiti, meningkatkan akses kepada maklumat bagi tujuan penyelidikan, pendidikan dan pemuliharaan, di samping memperkenalkan kekayaan warisan alam semula jadi NBD kepada masyarakat antarabangsa.

Profesor Madya Dr. Rahayu Sukmaria Haji Sukri juga mengongsikan bahawa penyelidikan yang dijalankan di KBFSC selama lebih tiga dekad telah menghasilkan pelbagai penemuan saintifik yang signifikan, sekali gus memperkukuh peranan pusat berkenaan sebagai stesen lapangan utama UBD dalam penyelidikan biodiversiti di negara ini.

Penerbitan tiga buku panduan tersebut merupakan sebahagian daripada Memorandum Persefahaman (MoU) antara HEB dan UBD. HEB, dengan kerjasama BEST dan Shell Deepwater Borneo B.V., telah menyokong penerbitan ketiga-tiga buku panduan lapangan serta poster berkenaan menerusi inisiatif kelestarian mereka.

Kerjasama antara pihak industri dan institusi akademik itu memperlihatkan kepentingan perkongsian strategik dalam memajukan penyelidikan biodiversiti dan meningkatkan kesedaran alam sekitar, selain menjadikan pengetahuan saintifik dapat diterjemahkan kepada bahan pendidikan dan rujukan yang mudah diakses oleh khalayak lebih luas, sekali gus memupuk penghargaan terhadap kekayaan biodiversiti NBD.

Pada masa ini, Siri Buku Panduan Lapangan IBER merangkumi lima buah buku yang memfokuskan kepada flora dan fauna yang didokumentasikan di KBFSC dan Taman Negara Ulu Temburong, termasuk spesies yang mempunyai kepentingan tinggi dari segi pemuliharaan.

Selain mendokumentasikan spesies, buku-buku tersebut turut menyediakan penerangan mengenai spesies, gambar dan maklumat praktikal bagi tujuan pengenalpastian serta pemerhatian di lapangan. Ini menjadikannya bahan rujukan yang bermanfaat bagi pemantauan biodiversiti, pelaksanaan usaha pemuliharaan dan pendidikan alam sekitar.

Penerbitan terbaharu itu melengkapi buku panduan terdahulu mengenai mamalia dan flora, sekali gus menyediakan rujukan yang lebih menyeluruh mengenai ekosistem dan hidupan liar di kawasan berkenaan.

Majlis turut diserikan dengan pameran khas yang mengetengahkan Projek Penyelidikan Pemuliharaan Biodiversiti Kuala Belalong serta kepelbagaian burung, *herpetofauna* dan fauna air tawar di Taman Negara Ulu Temburong.

Manakal pada sebelah petang, program diteruskan dengan Siri Seminar IBER yang menampilkan pembentangan oleh para penyelidik UBD, iaitu Dr. Siti Salwa binti Abd. Khalid; dan Dr. Siti Rafhiah binti Haji Abd. Kahar dari IBER, serta Dr. Hanyrol Hanyzan bin Haji Ahmad Sah dari Fakulti Sains.

Pembentangan berkenaan berkongsi hasil dan pandangan penyelidikan mengenai burung, kepelbagaian fauna akuatik serta penyelidikan berkaitan reptilia dan amfibia di Ulu Temburong. Seminar tersebut dibukakan kepada warga kerja dan pelajar UBD serta orang ramai yang mencerminkan komitmen IBER dalam meningkatkan kesedaran terhadap alam sekitar serta menggalakkan kerjasama penyelidikan.

Melalui inisiatif berkenaan, IBER berhasrat memperkukuh hubungan antara penyelidikan biodiversiti, tindakan pemuliharaan dan kesedaran masyarakat. Usaha berkenaan juga menyokong Pelan Induk Kelestarian UBD, melalui usaha menterjemahkan hasil penyelidikan saintifik kepada bahan pendidikan serta menyediakan data asas sebagai panduan dalam pemuliharaan biodiversiti dan pengurusan sumber alam semula jadi NBD secara mampan.

Usaha berkenaan juga menyokong matlamat Dasar Biodiversiti Negara dan Pelan Tindakan Strategik 2024-2030 (NBPSPA) NBD serta Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam memajukan ilmu pengetahuan, memperkukuh usaha pemuliharaan dan meningkatkan penglibatan serta kesedaran masyarakat terhadap kepelbagaian biodiversiti negara.

Maklumat lanjut mengenai cara mendapatkan buku panduan lapangan berkenaan boleh diperoleh melalui Instagram IBER di @*ubd.iber.kbfsc*.

Memperkasa kemahiran memberikan bantuan kecemasan dengan segera

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BERAKAS, Khamis, 12 November. - Seramai 312 peserta yang terdiri daripada 236 pelajar dan 76 guru daripada 24 buah sekolah menengah menyertai Program Kesedaran Bantuan Pernafasan dan Tekanan Dada (CPR) serta Penggunaan Alat Kejutan Elektrik Automatik Luaran (AED) anjuran Kementerian Kesihatan menerusi Unit Pembangunan dan Pemantauan Resusitasi (RDMU).

Program yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan tersebut merupakan sebahagian daripada pengisian Resuscitation Updates 2026 yang bertemakan 'Hands That Save : Building a Nation Ready to Resuscitate'.

Program berkenaan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan keyakinan para pelajar serta guru dalam memberikan bantuan kecemasan dengan segera sekiranya berhadapan dengan mangsa serangan jantung, sama ada di persekitaran sekolah mahupun dalam masyarakat.

Sepanjang program, para peserta diberikan pendedahan mengenai teknik CPR kaedah *hands-only*, iaitu melakukan tekanan dada tanpa bantuan pernafasan, serta cara menggunakan AED dengan selamat.

Berdasarkan kajian kes serangan jantung di Daerah Brunei dan Muara bagi tempoh 2017 hingga 2019, sebanyak 71.2 peratus daripada kes yang dikaji berlaku di luar hospital, dengan purata tempoh 19 minit sebelum CPR dimulakan.

Kajian tersebut turut mendapati kadar kelangsungan hidup selepas sebulan bagi kes serangan jantung di luar hospital masing-masing sebanyak lima peratus, berbanding 25 peratus bagi kes yang berlaku di dalam hospital.

Sehubungan itu, tindakan memberikan CPR dengan segera dan penggunaan awal AED amat penting kerana berupaya meningkatkan peluang kelangsungan hidup mangsa serangan jantung.

Program berkenaan diketuai oleh Dr. Haji Ali Shahbana bin Haji Md. Yassin dengan Dr. Alice Lai selaku Timbalan Ketua Program.

Tiga sesi dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dikendalikan oleh tenaga pengajar Kemahiran Asas Sokongan Hayat (Basic Life Support) yang mendapat pensijilan Persatuan Jantung Amerika



SERAMAI 312 peserta yang terdiri daripada 236 pelajar dan 76 guru daripada 24 buah sekolah menengah menyertai Program Kesedaran Bantuan Pernafasan dan Tekanan Dada (CPR) serta Penggunaan Alat Kejutan Elektrik Automatik Luaran (AED).

(American Heart Association - AHA), dengan sokongan kakitangan RDMU.

Setiap sesi merangkumi taklimat, demonstrasi secara langsung dan latihan amali di bawah pemantauan tenaga pengajar, termasuk teknik melakukan tekanan dada serta penggunaan AED. Alat bantuan pembelajaran visual turut digunakan bagi memudahkan pemahaman peserta.

Program tersebut merupakan latihan pengenalan kepada CPR kaedah *hands-only* dan penggunaan AED. Orang ramai yang berhasrat mendapatkan pensijilan dalam bidang berkenaan digalakkan mengikuti kursus yang ditawarkan oleh penyedia latihan yang diiktiraf.

Inisiatif tersebut juga menyokong sasaran Kementerian Kesihatan untuk memberikan latihan asas pertolongan cemas dan CPR kepada 50 peratus penduduk negara ini menjelang 2035.

Sementara itu, Resuscitation Updates 2026 akan diteruskan dengan Persidangan Resusitasi Kebangsaan 2026 (National Resuscitation Conference 2026) khusus bagi golongan profesional kesihatan pada Ahad, 15 November 2026.

Ia seterusnya diikuti dengan Program Pembangunan Fakulti Sokongan Hayat Lanjutan Pediatrik AHA (AHA Paediatric Advanced Life Support Faculty Development Programme) yang dijadualkan berlangsung pada 16 hingga 19 November 2026.

RAIKAN KANAK-KANAK ISTIMEWA, TINGKAT KESEDARAN MENGENAI AUTISME



Y-LITE 2026 dan GirlUp BruGen dengan kerjasama Rising Star Child Development School serta Majlis Belia Brunei, baru-baru ini telah menganjurkan Little Crafter's Workshop.

Siaran Akhbar dan Foto : Y-Lite 2026

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 November. - Y-Lite 2026 dan GirlUp BruGen dengan kerjasama Rising Star Child Development School serta Majlis Belia Brunei (MBB), baru-baru ini telah menganjurkan Little Crafter's Workshop dengan sokongan Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Program berkenaan turut ditaja oleh Palate Fun & Cafe dan telah berlangsung pada Sabtu, 7 November 2026 bertempat di Palate Fun & Cafe, Kiarong.

Penganjuran bengkel yang diadakan sempena Hari Senyuman Sedunia (World Smile Day) 2026 berkenaan bertujuan untuk meraikan serta memberi kesedaran awam kepada kanak-kanak istimewa, khususnya mereka yang berada dalam spektrum autisme.

Inisiatif berkenaan menekankan kepentingan perhatian, sokongan, serta penyediaan ruang inklusif dalam kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam, di samping berusaha menepis stigma sosial terhadap golongan berkenaan.

Bergerak atas asas dan dorongan Y-Lite 2026, GirlUp BruGen melangkah setapak dalam memperkasa nilai inklusiviti serta memberi sokongan padu kepada kanak-kanak demi mengukuhkan institusi keluarga dan pembinaan tonggak masyarakat.

Program tersebut turut menyediakan ruang perkongsian bagi memahami pengalaman serta cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa dan tenaga pengajar dalam penjagaan dan pendidikan anak-anak autisme.

Antara pengisian utama acara termasuklah aktiviti 'Animal Crafting', yang dirancang khusus untuk merangsang imaginasi kanak-kanak dalam penghasilan kraf tangan serta meningkatkan koordinasi motor halus mereka.

Memandangkan pengurusan ekspresi emosi merupakan antara cabaran utama bagi kanak-kanak autisme, serta emosi kerap berada pada dua tahap yang ekstrem, aktiviti penghasilan kad 'My Smile' turut diperkenalkan. Kad khas berkenaan ditujukan kepada orang terdekat, terutamanya ibu bapa sendiri, bagi menggalakkan peserta meluahkan emosi secara peribadi dan positif.

Kemuncak acara disusuli dengan sesi penghargaan yang dirasmikan oleh tetamu kehormat program, Ketua Cawangan Daerah Tutong, JBS, Dayang Amhra Farahiyah binti Haji Mohd. Hamdillah.

Sesi tersebut diadakan bagi mengiktiraf penyertaan kanak-kanak serta tenaga pengajar yang telah memeriahkan lagi penganjuran bengkel berkenaan.

Adalah diharapkan agar program seumpamanya dapat membuka perspektif masyarakat mengenai peranan penting kanak-kanak sebagai pelapis generasi akan datang, sekali gus mendukung aspirasi belia serta Wawasan Brunei 2035 ke arah pembentukan masyarakat yang inklusif dan saling menyokong.

Puisi

Khidmatmu Berinovasi Didik (Sempena Sambutan 100 Tahun Penaziran JKSS, 1926 – 2026)

Peka prihatin bukan omongan kosong
malah nadi bicara bukan retorik kata
wajarkah gelar profesion seorang Nazir
seindah nama tanpa bijaksana mewarna
jauhari jua yang mengenal manikam.

Observasi pantau bukan wisata santai
ekspedisi tugas bukannya hibur diri
bukan semata mencari pengalaman baru
sememangnya bukan memburu rindu
adalah menggapai objektif termaktub.

Pastinya fungsi beramanat seorang Nazir
amanahnya pelaksana memikul tanggungjawab
amanah dalam penyampai ucapan kata
amanah dalam apresiasi nilai
amanah dalam komunikasi tulus.

Demi keperluan dunia didik
bahan material tersedia pengusai rasa
menimbang tepatnya, jitunya benar dijiwai
bahawa yang benar itu penegak iman
iman itu takwanya penimbang berat ringannya.

Hakikat sebenar seorang Nazir
tampilnya bukan pengunjung biasa
misi dan visinya bermotif untuk memperkasa
bukan ikut rasa, bukan ikut hati
pun bukan bak bidan terjun.

Kunjung tibanya lawatan bertema dan bermatlamat
bukan memendam rasa rindu; keterpaksaan
relevankah ideologi, teknologi diguna pakai
andainya lahir setulus hati yang sejati
kelestarian dan inovasi penggerak maju.

Fungsi Nazir dan kelangsungan penazirannya
terista dan terserlah sudah jayanya ke puncak
bak 100 tahun dalam mesranya ristaan bersejarah
persiskah budaya ideologi fikir berdaya maju
sukseskah dijiwai sejak berdekad-dekad
pemantapannya.

Waimapun jua keupayaan insan dan kewajarannya
dalam pesan-pesan tentang kebenaran gigihnya usaha
wujudnya yang hak dan berhak ditanai
andainya jua hati semurni kasih
biarlah bicara di kota sehening bitara.

Pengiran Haji Shamsu PHK
Mantan NS 25
7/11/2026

Reda Dalam Harapan

Di ruang bilik kecil ini
aku merenung di luar sana.
Burung merbuk berkicau riang,
daun-daun cemara bersentuhan kegembiraan
dengan angin sepoi bahasa.

Namun, dari renungan itu
aku berfikir jauh, apakah kesudahan rawatan yang kuhadapi.

Ya Rabb, aku mohon rahmat-Mu.
Kasihanilah aku, tunjukkan pilihan terbaik untukku
demi kesejahteraan dan kebahagiaan keluarga besarku.

Bukannya aku takut akan panggilan-Mu,
malah aku reda dengan ketentuan-Mu.

Ya Allah,
Ya Rahman,
aku bersujud kepada-Mu
mendapatkan petunjuk pilihan-Mu.

Allah Pengasih, Allah Penyayang,
itulah kebesaran-Mu,
perjanjian kepada umat Muhammad, pilihan Nabi-Mu.

Dengarlah rintihan doa kami,
yang kami harapkan daripada-Mu.

Lailahaillallah Muhammadur Rasulullah.
Selawat, takbir dan tahmid,
hanya itu kami panjatkan dengan tirisan air mata
ketika sujud di sejadah suci-Mu.

Rahman Chuchu
JPMC
10/7/2026

Sebuah syarikat dikenakan kompaun

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Temburong

TEMBURONG, Khamis, 12 November. - Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Temburong telah melaksanakan pemeriksaan melalui kamera litar tertutup di kawasan belakang Bangunan Pasar, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Hasil pemeriksaan tersebut didapati sebuah syarikat dikenakan tindakan kompaun atas Perlanggaran Peruntukan di bawah Akta Kesalahan Rampaian iaitu kesalahan membuang sampah perabot dengan tidak teratur dan bukan di tempat yang dikhaskan.

Syarikat Afsara Restoran telah dikenakan denda sebanyak BND1,000 atas kesalahan tersebut dan diberikan tempoh satu minggu untuk menjelaskan pembayaran kompaun.

Kesalahan sedemikian boleh diambil tindakan di bawah Akta Kesalahan Rampaian Bab 12(1) iaitu sabit kesalahan denda tidak melebihi BND1,000 bagi kesalahan pertama dan denda tidak melebihi BND3,000 bagi kesalahan seterusnya dan penjara tidak melebihi tiga bulan.

Sehubungan itu, Jabatan Daerah Temburong mengingatkan kepada orang ramai dan pemilik-pemilik syarikat perniagaan agar tidak mengambil ringan mengenai isu kebersihan. Tindakan itu adalah langkah berterusan Jabatan Daerah Temburong agar semua pihak sama-sama mengambil perhatian dan tanggungjawab dalam menjaga kebersihan alam sekitar.



SEBUAH syarikat dikenakan tindakan kompaun atas Perlanggaran Peruntukan di bawah Akta Kesalahan Rampaian.



Bertindak awal cegah diabetes

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Infografik / Ilustrasi : Muhamad Yazid Irfan Haji Rosman, Penempatan Mahasiswa Universiti Brunei Darussalam di Bahagian Pelita Brunei

ADAKAH awda tahu bahawa lebih daripada 40 peratus orang yang menghidap diabetes di seluruh dunia tidak didiagnosis? Tanpa diagnosis, orang yang menghidap diabetes mungkin tidak dapat mendapatkan penjagaan, rawatan dan sokongan yang mereka perlukan untuk menguruskan diabetes mereka dan hidup dengan sihat.

Mengetahui simptom diabetes boleh membantu orang mengenal pasti bila perlu mendapatkan sokongan. Simptom biasa diabetes termasuk dahaga yang bertambah, kerap membuang air kecil, keletihan dan penglihatan kabur. Diabetes jenis 1 sering berkembang dengan cepat, manakala diabetes jenis 2 biasanya berkembang secara beransur-ansur dan mungkin menyebabkan sedikit atau tiada simptom yang ketara.

Pada tahun ini tema Hari Diabetes Sedunia 2026 ialah 'Tindakan awal terhadap diabetes'.

Mengetahui simptom diabetes

Lebih daripada 40 peratus orang yang menghidap diabetes tidak didiagnosis. Simptom biasa termasuk rasa dahaga yang meningkat, kerap membuang air kecil, keletihan dan penglihatan kabur.

- Mengenali diabetes jenis 1 : Diabetes jenis 1 boleh berkembang pada usia berapa pun dan sering terlepas pandang atau salah didiagnosis, terutamanya pada orang dewasa. Mengenali simptomnya boleh membantu membawa kepada diagnosis dan rawatan yang menyelamatkan nyawa.

- Memajukan akses yang adil **:** Diagnosis diabetes hanya dapat meningkatkan hasil apabila diikuti dengan akses kepada rawatan yang tepat pada masanya, penjagaan yang mampu dan sokongan berterusan

Mewujudkan persekitaran yang lebih sihat

Memastikan semua orang mempunyai akses kepada makanan sihat, tempat yang selamat untuk bersenam dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti adalah berkesan dalam mengurangkan risiko diabetes jenis 2 dan menyokong pengurusan diabetes yang berkesan.

Mengutamakan penjagaan berkualiti

Penjagaan diabetes yang berkualiti dan berterusan dapat mengurangkan komplikasi serta membolehkan orang yang hidup dengan diabetes menjalani kehidupan yang sihat dan memuaskan.

Menyokong bukan memberi stigma

Stigma terhadap diabetes adalah meluas, berbahaya dan boleh dielakkan. Semua orang yang menghidap diabetes layak untuk disokong, diberi semangat yang sewajarnya dengan kata-kata yang dapat memberikan mereka motivasi untuk terus menjalani gaya hidup yang sihat.

Bagaimana diabetes didiagnosis?

Menurut WHO, diagnosis diabetes dilakukan menggunakan pemeriksaan gula dalam darah.

Beberapa pemeriksaan yang dapat digunakan dalam konteks klinikal antara lain :

- *Fasting plasma glucose* atau glukosa plasma puasa;
- Oral Glucose Tolerance Test atau OGTT;
- HbA1c;
- *Random plasma glucose* dalam konteks tertentu.

Jangan tunggu sehingga gejala menjadi teruk untuk membuat pemeriksaan. Awda boleh melakukan ujian klinikal di klinik atau hospital terdekat.

Setiap pemeriksaan memiliki kriteria dan konteks penggunaannya. Oleh sebab itu, pemeriksaan sendiri dengan alat tertentu tidak boleh digunakan sebagai pengganti tenaga pekerja kesihatan. Tujuannya adalah membantu masyarakat memahami bila perlu mencari pertolongan dan bagaimana menggunakan informasi kesihatan secara bertanggung jawab.

Bertindak awal kesan diabetes

Bertindak awal untuk mengesan diabetes adalah langkah paling kritikal bagi mengelakkan komplikasi serius seumpama penyakit jantung, kerosakan buah pinggang, dan masalah saraf. Diabetes, terutamanya jenis 2, sering kali berkembang secara senyap tanpa menunjukkan tanda-tanda yang jelas pada peringkat awal.

Inisiatif ke arah penjagaan menyeluruh pesakit diabetes di NBD

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), akses kepada penjagaan menyeluruh bagi pesakit diabetes disediakan secara sistematik dan bersepadu menerusi rangkaian Kementerian Kesihatan. Kerajaan NBD menekankan model penjagaan berpusatkan pesakit yang menggabungkan rawatan klinikal, pencegahan komplikasi, dan intervensi digital.

Rangkaian akses penjagaan diabetes di negara ini merangkumi beberapa komponen utama :

1. Perkhidmatan Henti-Setempat (One-Stop Centre)

Bagi kes rujukan yang memerlukan kepakaran khusus, Kementerian Kesihatan telah menyediakan Pusat Diabetes di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) di Bandar Seri Begawan.

- Akses Berpusat : Pusat ini berfungsi sebagai hab one-stop di mana pesakit boleh berjumpa dengan pelbagai pakar dalam hari yang sama.
- Pasukan Multidisiplin : Penjagaan dikendalikan bersama oleh Doktor Pakar Konsultan, Jururawat Pendidik Diabetes (DNE), Pegawai Pemakanan (Dietitian), serta Pakar Podiatri (penjagaan kaki) bagi mengurangkan risiko komplikasi seperti ulser atau amputasi.

2. Penjagaan Primer di Klinik Kesihatan

Sebelum dirujuk ke hospital RIPAS, pengurusan diabetes harian bermula di peringkat akar umbi menerusi klinik kesihatan mengikut kawasan tadahan (seperti Pusat Kesihatan PAPHMWHB di Rimba atau Pusat Kesihatan Jubli Emas).

- Program 3PK : Melalui Program Keberkesanan Saringan Kesihatan (3PK), pemeriksaan awal dan pengesanan risiko diabetes dilakukan secara meluas.

- Klinik Cara Hidup Sihat : Terdapat di Pusat Promosi Kesihatan (HPC) untuk membantu pesakit menguruskan berat badan dan obesiti, yang merupakan faktor risiko utama diabetes.

3. Integrasi Digital Kesihatan (Aplikasi BruHealth)

NBD sangat ke hadapan dalam memanfaatkan teknologi menerusi sistem BruHIMS dan aplikasi BruHealth untuk menyokong penjagaan kendiri pesakit di rumah :

- Program BALANCE : Diluncurkan oleh Kementerian Kesihatan khusus melalui aplikasi BruHealth untuk memberikan bimbingan interaktif mengenai pemakanan sihat, rutin senaman, dan pemantauan gula dalam darah secara digital bagi pesakit Diabetes Jenis 2.

- BN on the Move : Inisiatif kecergasan dalam aplikasi yang mendorong pesakit meningkatkan aktiviti fizikal harian secara individu atau berkumpulan bagi mengoptimumkan tindak balas insulin tubuh.

Kesimpulan

Mengurangkan stigma diabetes memerlukan peralihan daripada sikap menghakimi kepada budaya yang menyokong dan berempati. Ramai pesakit menghadapi stigma luaran terutama daripada masyarakat dan stigma dalaman (rasa bersalah atau malu) kerana tanggapan salah bahawa diabetes berpunca daripada kelemahan peribadi semata-mata. Justeru berilah sokongan dan bantulah pesakit diabetes untuk menjalani kehidupan yang lebih baik dan sihat. Pemeriksaan awal dapat membantu mencegah diabetes dengan menjaga pola makanan serta melakukan aktiviti.



AFRICA CDC PUJI KENYA SELEPAS PESAKIT TERAKHIR EBOLA DIBENARKAN KELUAR HOSPITAL

ADDIS ABABA, 12 Nov. - Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Afrika (Africa CDC) memuji Kenya selepas negara itu membenarkan pesakit Ebola terakhir keluar daripada hospital, sambil menyifatkan pencapaian itu sebagai "satu kejayaan penting" dalam usaha lebih luas di seluruh benua Afrika menangani penularan Ebola jenis Bundibugyo yang melibatkan beberapa negara, lapor Xinhua.

"Ini merupakan perkembangan yang menggalakkan bagi Kenya dan Afrika. Kita mesti meneruskan pengawasan dan kewaspadaan sehingga wabak itu secara rasmi diisytiharkan tamat," kata Ketua Pengarah Africa CDC Jean Kaseya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Kenyataan itu dikeluarkan selepas Setiausaha Kabinet Kesihatan Kenya Aden Duale mengumumkan pada Rabu bahawa negara itu memulakan kiraan detik selama 42 hari sebelum boleh mengisytiharkan bebas Ebola.

Pengumuman itu dibuat selepas pesakit terakhir dibenarkan keluar daripada hospital dan 11 individu terakhir yang mempunyai kontak dengan pesakit turut dilepaskan selepas melengkapkan tempoh pemantauan wajib selama 21 hari dalam keadaan sihat.

Ketua Pengarah Africa CDC itu menegaskan bahawa pencapaian berkenaan "mencerminkan kekuatan tindak balas kesihatan awam Kenya, bermula daripada pengesanan awal dan pengesanan kontak kepada rawatan klinikal serta penglibatan masyarakat".

Kaseya turut mengucapkan tahniah kepada pihak berkuasa Kenya termasuk Kementerian Kesihatan negara itu dan semua petugas kesihatan barisan hadapan, "atas pencapaian penting dalam usaha menangani wabak Ebola Bundibugyo".

Beliau turut menegaskan sokongan berterusan dan solidariti agensi kesihatan awam khusus Kesatuan Afrika (AU) itu terhadap Kenya serta negara Afrika lain yang sedang menangani wabak berkenaan.

Kenya, yang melaporkan kes Ebola import pertamanya pada 6 Oktober, merekodkan keseluruhan sembilan kes yang disahkan dan dua kematian. Negara Afrika Timur itu tidak melaporkan sebarang kes baharu sejak 19 Oktober. - ©BERNAMA

Lebih 820,000 kanak-kanak di Sudan diancam malnutrisi membawa maut

MOSCOW, 11 Nov. - Jurucakap Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) James Elder berkata sebanyak 825,000 kanak-kanak di Sudan dijangka mengalami kekurangan zat makanan yang mengancam nyawa tahun ini, manakala peningkatan serangan dron mewujudkan risiko tambahan ke atas mereka, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Semua ini berlaku pada masa kira-kira 825,000 kanak-kanak di bawah umur lima tahun di Sudan dijangka mengalami kekurangan zat makanan akut yang teruk tahun ini iaitu jenis yang boleh membawa maut," kata Elder dalam taklimat di Geneva pada Selasa.

Beliau berkata keadaan itu diburukkan lagi oleh fenomena El Nino yang semakin hebat, yang dijangka membawa kemarau ke Sudan.

Elder turut menekankan kekerapan serangan dron yang semakin meningkat, yang memusnahkan infrastruktur penting serta mengakibatkan korban jiwa.

Menurut beliau, 'dua daripada setiap tiga kanak-kanak yang menjadi mangsa adalah akibat serangan dron' di Sudan pada tahun ini.

"Izinkan saya jelaskan mengapa gabungan dron dan kemarau begitu berbahaya bagi kanak-kanak. Di Sudan, bekalan elektrik bermaksud bekalan air. Apabila stesen jana kuasa diserang, pam air berhenti berfungsi dan proses rawatan air turut terhenti.

"Keluarga terpaksa beralih kepada alternatif yang mahal dan tidak selamat. Penyakit mula merebak. Kita sekali lagi melihat penularan kolera di beberapa komuniti yang paling sukar diakses, termasuk dalam kalangan keluarga yang kehilangan tempat tinggal di dalam negara," katanya.

Sudan dilanda pertempuran sengit antara Pasukan Sokongan Pantas (RSF) dan Angkatan Tentera Sudan sejak April 2023.

Tentera Sudan berjaya menawan semula ibu negara, Khartoum, pada 2025. RSF kemudiannya meningkatkan serangan di selatan dan barat Sudan khususnya di Darfur dan Kordofan, serta mengumumkan pembentukan kerajaan sendiri di wilayah-wilayah di bawah kawalannya pada April 2025.

Kedua-dua pihak menuduh pihak yang lain membunuh orang awam. - ©BERNAMA

Pertahanan awam Arab Saudi bertindak susulan serpihan peluru berpandu jatuh di Makkah

RIYADH, 12 Nov. - Pertahanan Awam Arab Saudi pada Rabu mengambil tindakan selepas serpihan daripada dua peluru berpandu balistik yang dilancarkan oleh kumpulan Houthi ke arah wilayah Makkah jatuh di kawasan berkenaan, lapor Agensi Berita Arab Saudi (SPA) yang memetik Direktorat Am Pertahanan Awam.

Kedua-dua peluru berpandu itu dipintas dan dimusnahkan, dengan sebahagian serpihannya jatuh di Kampung Sabuhah.

Direktorat itu menegaskan bahawa serangan terhadap objek awam merupakan pelanggaran terang-terangan undang-undang kemanusiaan antarabangsa, selain menekankan bahaya yang ditimbulkan oleh pendekatan bermusuhan kumpulan Houthi.

Menurut direktorat itu, pihak berkuasa berkaitan bertindak segera dengan melaksanakan prosedur yang ditetapkan serta mengambil langkah yang perlu bagi melindungi nyawa dan harta benda. - ©BERNAMA

Republik Korea Selatan raih tempat ke-10 dunia dalam daya saing AI

SEOUL, 11 Nov. - Republik Korea Selatan menduduki tangga ke-10 daripada 70 negara dalam penarafan daya saing digital dan Kecerdasan Buatan (AI) global, lapor Agensi Berita Yonhap yang memetik Kementerian Sains negara itu pada Rabu.

Menurut kementerian itu, Republik Korea Selatan melonjak lapan anak tangga berbanding tahun sebelumnya berdasarkan laporan yang diterbitkan oleh Institut Pembangunan Pengurusan Antarabangsa (IMD), sebuah sekolah perniagaan yang berpangkalan di Switzerland.

Amerika Syarikat (AS) menduduki tempat teratas tahun ini selepas meningkat daripada kedudukan keempat tahun lepas, manakala Kanada yang sebelum ini mendahului penarafan berkenaan jatuh ke tangga kelima.

Dalam kalangan negara Asia-Pasifik, Republik Singapura berada di tangga kedua, diikuti Republik Rakyat China di kedudukan ketujuh dan Jepun di tangga ke-19.

Mengikut kategori, Republik Korea Selatan menduduki tempat ketiga bagi indikator infrastruktur teknologi dan kecekapan.

Negara itu turut menduduki tempat pertama dalam kategori perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), selain berada di tangga kelapan dalam indeks penerapan AI, menurut kementerian itu.

Kementerian Sains memaklumkan bahawa peningkatan kedudukan keseluruhan Republik Korea Selatan mencerminkan hasil usaha kerajaan melaksanakan pelbagai dasar serta daya tahan yang kukuh negara itu.

Kementerian itu turut berikrar untuk mempercepat pelaksanaan dasar utama berkaitan AI dan digital. - ©BERNAMA

Lebih 60 pelajar perempuan dikejar ke hospital selepas kebocoran gas klorin di sekolah Iraq - Laporan

MOSCOW, 11 Nov. - Lebih 60 pelajar perempuan dimasukkan ke hospital akibat kebocoran gas klorin di sebuah sekolah di Wilayah Maysan, tenggara Iraq, dengan insiden hampir serupa pernah berlaku di lokasi itu seminggu lepas, lapor Sputnik/RIA Novosti pada Selasa yang memetik media Iraq.

Seramai 61 pelajar perempuan di Sekolah Menengah Al-Zahra di bandar Amarah mendapatkan rawatan perubatan selepas mengalami masalah sesak nafas, lapor agensi berita INA.

Direktorat Pertahanan Awam Iraq mengerahkan pakar ke sekolah berkenaan bagi menyiasat punca kejadian, menurut laporan itu.

Sumber perubatan memberitahu stesen penyiar Al-Sumaria bahawa pelajar-pelajar terbabit mengalami keracunan akibat terhidu wap klorin.

Pada Selasa minggu lepas, seramai 59 pelajar perempuan di sekolah yang sama mengalami keracunan susulan kebocoran gas klorin dari sebuah kilang tenusu berhampiran. - ©BERNAMA

Kemboja sasar pasaran Eropah tingkat eksport gajus, lada hitam

PHNOM PENH, 11 Nov. - Kemboja giat memperluas pasaran eksport kacang gajus dan lada hitam ke Kesatuan Eropah (EU), dengan pematuhan terhadap piawaian ketat dari segi kualiti, keselamatan makanan dan kebolehkesanan dijangka turut membuka peluang menembusi pasaran global yang lebih luas.

Kerajaan negara itu sedang memperhebat usaha meningkatkan eksport kedua-dua komoditi pertanian berkenaan yang semakin menjadi penyumbang penting kepada pendapatan negara susulan peningkatan permintaan di pasaran antarabangsa.

"Eropah merupakan pasaran penting bagi Kemboja, namun sasaran kami bukan hanya tertumpu kepada rantau itu.

"Pematuhan terhadap piawaian pasaran EU dari segi kualiti, keselamatan makanan dan kebolehpercayaan akan membantu meningkatkan daya saing produk Kemboja bukan sahaja di Eropah, malah di pasaran global," kata Kuasa Usaha Delegasi EU ke Kemboja Bryan Fornari.

Beliau berkata demikian pada Forum Perdagangan Gajus dan Lada Hitam Kemboja 2026 di Phnom Penh pada Selasa.

Lada hitam yang ditanam di wilayah Kampot telah memperoleh pensijilan Petunjuk Geografi (GI) antarabangsa sebagai pengiktirafan terhadap kualitinya, manakala kacang gajus bersaiz besar jenis M23 semakin mendapat perhatian pengimport kerana rasa uniknya yang berkrim dan seakan mentega.

Kemboja menghasilkan kira-kira 20,000 tan metrik lada hitam setahun, dengan nilai eksport komoditi itu mencecah US$31 juta (RM126 juta) pada tahun lepas.

Sementara itu, pengeluaran kacang gajus negara berkenaan melebihi satu juta tan metrik pada 2025, dengan eksport gajus mentah menjana pendapatan sebanyak US$1.5 bilion (RM6 bilion).

Menteri Industri, Sains, Teknologi dan Inovasi Kemboja Hem Vanndy berkata kerajaan bukan sekadar menyasarkan peningkatan jumlah eksport, malah mahu memperkukuh industri pemprosesan tempatan dan meningkatkan nilai produk pertanian negara itu.

"Matlamat kami bukan hanya untuk meningkatkan jumlah eksport, tetapi juga menggalakkan pemprosesan dalam negara, meningkatkan kualiti dan piawaian serta membangunkan jenama supaya produk Kemboja dapat memperoleh nilai lebih tinggi dan pengiktirafan antarabangsa," kata beliau pada forum itu.

Kemudahan pemprosesan tempatan mempunyai kapasiti gabungan sebanyak 86,800 tan metrik setahun, namun jumlah sebenar yang diproses hanya 22,600 tan metrik atau kira-kira 26 peratus daripada kapasiti sedia ada.

Sementara itu, Duta Republik Persekutuan Jerman ke Kemboja Silke Rofer berkata kini merupakan masa yang sesuai bagi pengeksport Kemboja memperluas pasaran ke Eropah.

"Jerman berbangga dapat menyokong Kemboja dalam memperkukuh daya saing perdagangan dan memperluas hubungan dengan pasaran global.

"Saya berharap dapat melihat lebih banyak produk Kemboja dijual di pasar raya dan dihidangkan di restoran di seluruh Eropah," kata beliau.

Forum tahunan yang memasuki edisi kedua itu berlangsung dari 10 hingga 12 November dengan tema "Cambodia to the World: Trading with the European Union", dianjurkan kerajaan Kemboja dengan kerjasama EU dan Republik Persekutuan Jerman. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI

GANGGUAN GLOBAL MICROSOFT JEJAS BADAN KEHAKIMAN REPUBLIK FILIPINA, AGENSI KESELAMATAN AUSTRALIA

MOSCOW, 13 Nov. - Gangguan perkhidmatan Microsoft secara global yang menjejaskan Outlook, Teams dan perkhidmatan Microsoft 365 lain telah mengganggu operasi badan kehakiman Republik Filipina serta dua agensi keselamatan Australia, menurut pegawai dan laporan media.

"Mahkamah Agung ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa gangguan perkhidmatan Microsoft 365 yang sedang berlaku di seluruh dunia telah menjejaskan Philippine Judiciary 365 (PJ365), termasuk Microsoft Outlook.

"Sepanjang tempoh ini, maklum balas terhadap e-mel dan urusan lain mungkin mengalami kelewatan," menurut kenyataan mahkamah itu.

Mahkamah berkenaan turut memaklumkan bahawa pihaknya sedang bekerjasama rapat dengan Microsoft untuk memulihkan semua perkhidmatan yang terjejas.

Pengguna Microsoft di seluruh dunia melaporkan masalah untuk mengakses atau menggunakan perkhidmatan Microsoft 365, termasuk Teams, Outlook dan Copilot, pada petang Khamis.

Menurut platform pemantauan gangguan perkhidmatan Downdetector, gangguan itu dilaporkan merebak ke 74 negara dan wilayah dalam tempoh sejam.

Microsoft memaklumkan bahawa pihaknya sedang berusaha memulihkan perkhidmatan yang terjejas, sambil menjelaskan bahawa masalah sambungan boleh menjejaskan pengguna di mana-mana rantau.

Eksekutif kanan Microsoft Charles Lamanna berkata gangguan itu bukan berpunca daripada aktiviti berniat jahat atau serangan siber.

Di Australia, gangguan berkenaan menjejaskan Polis Persekutuan Australia (AFP) dan Pertubuhan Perisikan Keselamatan Australia (ASIO), lapor penyiar SBS pada Jumaat yang memetik pegawai.

Pengguna tidak dapat mengakses Microsoft Outlook dan aplikasi Microsoft 365 lain, termasuk Teams dan Copilot, selama beberapa jam sejak Khamis.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Australia Tony Burke berkata beliau telah mengadakan perbualan dengan Presiden Microsoft bagi Australia dan New Zealand Jane Livesey.

Menurut Burke, syarikat itu tidak mengesan sebarang tanda serangan siber dan percaya gangguan berkenaan berpunca daripada "kemas kini yang mengalami masalah".

Menurut Downdetector, lebih 5,500 pengguna di Australia melaporkan masalah mengakses perkhidmatan e-mel pada pagi Jumaat.

Bagaimanapun, laporan itu tidak memperincikan bagaimana gangguan berkenaan menjejaskan kedua-dua agensi keselamatan tersebut. - ©BERNAMA

Bekas CEO Nvidia dipanggil ke senat susulan laporan hubungan dengan individu didakwa perisik Republik Rakyat China

MOSCOW, 13 Nov. - Pengerusi Jawatankuasa Perbankan Senat Amerika Syarikat (AS) Tim Scott menghantar surat rasmi kepada bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Nvidia Jensen Huang bagi mengarahkannya hadir pada pendengaran awam pada 3 Disember berhubung laporan media mengenai hubungannya dengan seorang ahli perniagaan wanita Republik Rakyat China yang disyaki menjadi perisik Kerajaan China, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Saya menulis untuk meminta anda hadir secara sukarela di hadapan Jawatankuasa Perbankan, Perumahan dan Hal Ehwal Bandar pada 3 Disember 2026 bagi pendengaran awam berhubung laporan umum terkini yang menimbulkan kebimbangan besar terhadap keselamatan negara," tulis senator itu dalam surat berkenaan yang dihantar kepada Huang pada Khamis malam.

Nota kaki dokumen itu merujuk kepada laporan terkini The New York Times dan The Wall Street Journal yang menyatakan eksekutif perniagaan Republik Rakyat China Alice Huang mempunyai hubungan rapat dengan CEO Nvidia itu serta merupakan aset Kementerian Keselamatan Negara China.

Senator berkenaan memberi amaran bahawa jawatankuasa itu bersedia menggunakan segala kuasa dan bidang kuasanya, termasuk mengeluarkan sepina sekiranya Huang gagal hadir pada pendengaran terbabit.

The New York Times turut melaporkan dengan memetik dua sumber yang mengetahui perkara itu bahawa Presiden AS Donald Trump menghubungi Huang pada Selasa sebelum peletakan jawatannya dan menggesanya supaya mempertahankan kedudukannya.

Pada Khamis, Nvidia mengumumkan peletakan jawatan Huang, manakala Kementerian Luar China menafikan dakwaan pembabitan negara itu dalam kes pengintipan membabitkan Nvidia dengan menyifatkannya sebagai "tidak berasas". - ©BERNAMA

Suspek ditemukan maut selepas kejadian tembakan di Washington

WASHINGTON, 13 Nov. - Seorang suspek ditemukan maut selepas mengurung diri di sebuah bangunan pangsapuri berhampiran lokasi tembakan yang mengorbankan seorang individu dan mencederakan empat lagi di utara Rumah Putih pada Khamis, lapor Xinhua memetik media Amerika Syarikat (AS).

Menurut laporan NBC News, polis menghubungi suspek melalui telefon ketika lelaki itu bertindak mengurung diri di bangunan pangsapuri berkenaan. Suspek kemudian ditemukan maut selepas dipercayai menembak dirinya sendiri. Menurut laporan itu, polis percaya suspek mempunyai pertikaian berkaitan bangunan pangsapuri berkenaan.

"Operasi menangani suspek yang mengurung diri telah selesai. Kawasan kejadian kini selamat, namun beberapa laluan utama masih ditutup kepada lalu lintas," menurut Jabatan Polis Metropolitan Washington DC dalam kemas kini menerusi platform X.

Terdahulu, jabatan itu memaklumkan bahawa anggotanya sedang menangani kejadian tembakan yang masih berlaku berhampiran persimpangan 15th Street dan P Street serta menggesa orang ramai menjauhi kawasan berkenaan.

Menurut Gun Violence Archive, sebanyak 408 kejadian tembakan direkodkan di AS setakat Khamis tahun ini, mengakibatkan lebih 100 kematian. - ©BERNAMA

Negara Eropah tetap syarat bagi rundingan keselamatan dengan Persekutuan Rusia

DUBLIN, 13 Nov. - Sebahagian besar negara Eropah hanya bersedia mengadakan rundingan dengan Persekutuan Rusia mengenai isu keselamatan utama selepas perang di Ukraine berakhir, menurut deklarasi yang ditandatangani 39 negara pada sidang kemuncak Eropah di Dublin, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Deklarasi yang diusahakan Republik Perancis itu menyokong rundingan mengenai langkah mengurus dan mengurangkan risiko keselamatan, namun menegaskan bahawa rundingan hanya boleh diadakan selepas syarat yang diperlukan dipenuhi dan keamanan dipulihkan.

Rundingan itu boleh merangkumi risiko ketenteraan dan ancaman hibrid, termasuk kegiatan sabotaj serta kempen penyebaran maklumat palsu.

Persekutuan Rusia sebelum ini menggesa supaya sekatan dikenakan terhadap kehadiran Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) berhampiran sempadannya.

Deklarasi bertajuk "Declaration on key principles of European security" itu turut menegaskan bahawa sebarang keputusan mengenai Ukraine mesti melibatkan negara berkenaan, manakala keputusan berkaitan keselamatan Eropah perlu melibatkan negara-negara Eropah.

Deklarasi itu juga menggesa jaminan keselamatan yang kukuh dan boleh dipercayai diberikan kepada Ukraine.

Ia dikeluarkan susulan spekulasi bahawa Washington mungkin membincangkan rangka kerja keselamatan baharu Eropah secara langsung dengan Moscow tanpa penglibatan negara-negara Eropah.

Perunding Amerika Syarikat (AS) Jared Kushner sebelum ini menggariskan rangka kerja yang berasaskan komunikasi, ketelusan ketenteraan dan usaha mengurangkan risiko peningkatan ketegangan.

Sementara itu, jurucakap Kremlin Dmitry Peskov mengkritik apa yang disifatkannya sebagai keengganan negara-negara Eropah untuk membincangkan sistem keselamatan masa depan, sambil mendakwa negara berkenaan belum melantik wakil perunding.

Armenia, Azerbaijan, Bosnia dan Herzegovina serta Switzerland merupakan antara negara yang tidak menandatangani deklarasi itu.

Bulgaria pula menjadi satu-satunya negara anggota Kesatuan Eropah (EU) yang tidak menandatanganinya, namun tiada sebab diberikan setakat ini. - ©BERNAMA

4,950 penduduk dipindahkan susulan banjir di Negeri Shan, Republik Kesatuan Myanmar

YANGON, 13 Nov. - Kira-kira 4,950 penduduk daripada 1,123 isi rumah di lima perbandaran di selatan Negeri Shan, Republik Kesatuan Myanmar dipindahkan akibat banjir, menurut jabatan bomba tempatan pada Jumaat, lapor Xinhua.

Menurut jabatan itu, banjir berkenaan berpunca daripada hujan lebat berterusan yang bermula sejak Selasa di beberapa perbandaran di selatan Negeri Shan.

Setakat pagi Jumaat, pasukan penyelamat daripada jabatan berkenaan meneruskan operasi pemindahan, mengepam keluar air dari jalan raya yang dinaiki air serta membersihkan kawasan terjejas selepas air banjir surut. - ©BERNAMA

4 anggota tentera Republik Türkiye maut dalam nahas helikopter

ISTANBUL, 13 Nov. - Empat anggota tentera Republik Türkiye maut dalam nahas helikopter di wilayah Malatya, timur negara itu pada Khamis, lapor Agensi Berita Jerman (dpa) memetik Kementerian Pertahanan.

Kementerian memaklumkan bahawa punca nahas helikopter tentera jenis S-70 berkenaan masih belum diketahui.

Menurut Anadolu Ajansi yang memetik kementerian berkenaan, operasi mencari dan menyelamat segera dilancarkan di lokasi nahas di kawasan Samanköy, daerah Ye ilyurt.

Sementara itu, pemimpin daripada pelbagai parti politik turut menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga mangsa. - ©BERNAMA



SKBD Ke-V : Medan mencorak jaguh sukan negara

FOKUS SUKAN

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Jabatan Penerangan

GELANGGANG persaingan tanah air kembali bersemarak dengan berlangsungnya Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-V, Tahun 2026 yang menjadi medan para atlet dari seluruh negara memburu kegemilangan, menguji keupayaan serta mencipta nama dalam arena sukan tanah air. Diadakan bermula 7 hingga 14 November 2026, SKBD Ke-V, Tahun 2026 terus memperkukuh peranannya sebagai antara platform penting dalam pembangunan sukan negara dengan menghimpunkan atlet daripada pelbagai kontinjen untuk bersaing.

SKBD merupakan kejohanan peringkat kebangsaan yang dianjurkan sebagai wadah bagi menghimpunkan atlet dari seluruh negara untuk bersaing dalam pelbagai acara sukan. Sukan ini juga merupakan platform bagi mengenal pasti bakat atlet yang berpotensi terutama dalam kalangan belia sebagai persediaan untuk mewakili negara bagi menyertai kejohanan sukan berprestij di peringkat serantau dan antarabangsa.

Kejohanan ini diharapkan dapat membentuk ahli sukan yang berwibawa, selain membina semangat persaingan yang sihat dan mesra, bekerjasama dalam pembangunan sukan dan perkembangan bakat atlet ke arah membentuk kecemerlangan dan kegemilangan sukan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

SKBD Ke-V, Tahun 2026 turut menyaksikan penyertaan atlet daripada pelbagai kontinjen yang membawa semangat dan aspirasi masing-masing untuk memberikan persembahan terbaik dalam setiap acara yang dipertandingkan. Kepelbagaian latar belakang serta pengalaman para atlet dijangka menyemarakkan lagi persaingan, sekali gus membuka ruang kepada para peserta untuk menguji tahap keupayaan, kecergasan dan ketahanan mental dalam suasana pertandingan yang kompetitif.

Lebih daripada sekadar medan pertandingan, SKBD Ke-V, Tahun 2026 turut menjadi landasan penting dalam mencungkil bakat baharu dan memperkembangkan potensi atlet tempatan. Penyertaan dalam kejohanan seumpama ini memberikan pengalaman berharga kepada para atlet untuk membina keyakinan diri, meningkatkan prestasi serta mempelajari nilai disiplin, daya tahan dan semangat kesukanan. Pengalaman yang diraih seterusnya dapat dijadikan bekalan dalam menghadapi kejohanan yang lebih mencabar, termasuk di peringkat serantau dan antarabangsa.

Kita imbas penganjuran SKBD Ke-IV pada tahun 2018 yang menyaksikan kontinjen Daerah Brunei dan Muara (DBM) mengungguli kejohanan dengan kutipan pingat sebanyak 186 pingat iaitu 52 pingat emas, 65 pingat perak dan 69 gangsa.

Sementara di tempat kedua pula diraih oleh kontinjen Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) dengan jumlah kutipan pingat sebanyak 111 pingat iaitu 36 pingat emas, 37 pingat perak dan 38 pingat gangsa. Manakala di tempat ketiga pula kontinjen Institusi Pengajian Tinggi dengan kutipan pingat secara keseluruhannya sebanyak 81 pingat iaitu 28 pingat emas, 19 pingat perak dan 34 pingat gangsa.

Penganjuran SKBD pada tahun ini merupakan kali kelima sejak kejohanan ini diadakan buat julung kalinya pada tahun 2012.

Tema SKBD Ke-V, Tahun 2026 ialah 'Bersama Mengejar Kegemilangan'. Tema ini menekankan semangat kebersamaan dalam mencapai kecemerlangan sukan melalui kerjasama, perpaduan dan semangat kesukanan. Kecemerlangan sukan bukan sahaja menjadi kebanggaan bersama, malah berperanan sebagai wadah untuk menyatupadukan masyarakat dan menyumbang kepada pembentukan negara yang harmoni, maju, berdaya saing dan gemilang.

Sebagai projek pembangunan sukan jangka masa panjang dan berterusan khususnya Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, NBD serta meningkatkan usaha sama dan persefahaman dalam kalangan agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan sukan kebangsaan dan syarikat-syarikat swasta dalam memajukan dan meningkatkan mutu sukan negara.

Dalam pada itu, memberi galakan dan dorongan kepada semua lapisan masyarakat di negara ini supaya bergiat aktif dalam aktiviti sukan dan untuk melahirkan masyarakat yang sihat dan cergas, baik dari segi fizikal mahupun mental.

Penganjuran sukan ini juga adalah untuk mencungkil minat dan bakat baharu yang berpotensi dalam kalangan belia mahupun orang dewasa bagi mewakili negara pada masa hadapan. Sebagai salah satu usaha ke arah persediaan penyertaan negara di peringkat serantau dan antarabangsa.

Pada tahun ini, sebanyak tujuh kontinjen menyertai SKBD, iaitu kontinjen DBM, kontinjen Daerah Belait, Kontinjen Daerah Tutong, kontinjen Daerah Temburong, Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Majlis Sukan Pasukan Polis Diraja Brunei dan MS SSBD.

SKBD kali ini mempertemukan seramai 1,071 orang atlet dengan jumlah keseluruhan pingat menjadi rebutan sebanyak 536 pingat, iaitu 149 pingat emas, 149 pingat perak dan 238 pingat gangsa.

Sebanyak 10 acara sukan dipertandingkan iaitu Akuatik, Badminton, Bola Jaring, Bola Sepak, Futsal, Karate, Olahraga, Pencak Silat, Sepak Takraw dan Tarik Kalat.



PELITA BRUNEI

DBM dominasi acara Kumite, Kata Berpasukan Karate SKBD Ke-V

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan perlawanan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 November. - Perlawanan Akhir Sukan Karate bagi Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam Ke-V (SKBD Ke-V), Tahun 2026 diadakan malam tadi, di Pusat Belia, di ibu negara, di sini.

Daerah Brunei dan Muara (DBM) berjaya meraih kemenangan 5 - 0 setelah mengalahkan Daerah Belait melalui Kata Berpasukan Lelaki; manakala Daerah Tutong mengalahkan Daerah Belait dengan kemenangan 5 - 0 melalui Kata Berpasukan Wanita.

Sementara itu, DBM berjaya menewaskan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) dengan kemenangan 3-1 menerusi Kumite Berpasukan Lelaki; manakala Kumite Berpasukan Wanita pula dimenangi oleh DBM setelah mengalahkan Daerah Tutong 3 - 0.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan pingat kepada para pemenang, Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin.

Terdahulu, perlawanan separuh akhir karate melalui acara Kata Berpasukan Lelaki, Kata Berpasukan Wanita, Kumite Berpasukan Lelaki serta Kumite Berpasukan Wanita dan seterusnya perlawanan separuh akhir karate melalui acara Kata Berpasukan Wanita dan Kumite Berpasukan Lelaki juga diadakan di pusat berkenaan.

PASUKAN UKUR JUARA KEJOHANAN BOLA SEPAK 11 ORANG SEPASUKAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian piala dan hadiah kepada pemenang.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 November. - Pasukan Jabatan Ukur (UKUR) muncul juara pada perlawanan akhir Kejohanan Bola Sepak 11 Orang Sepasukan Kementerian Pembangunan dan Jabatan-jabatan di Bawahnya bagi Tahun 2026 setelah menewaskan Pasukan Jabatan Saliran dan Pembetungan (DDS), Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan keputusan 5 - 2.

Perlawanan akhir tersebut berlangsung pada 11 November 2026, di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, yang mempertemukan pasukan DDS selaku juara Kumpulan 'A' dan Pasukan UKUR selaku juara Kumpulan 'B'.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian piala dan hadiah, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar.

Pasukan UKUR telah dinobatkan sebagai johan kejohanan, manakala pasukan DDS selaku naib johan. Sementara itu, tempat ketiga bersama telah disandang oleh pasukan Pejabat Ketua Pengarah (DG) dan Jabatan Perkhidmatan Teknikal (DTS), JKR.

Kejohanan Bola Sepak 11 Orang Sepasukan Kementerian Pembangunan dan Jabatan-jabatan di Bawahnya bagi Tahun 2026 telah bermula pada 14 September 2026 dan dianjurkan bersama oleh Jabatan Perkhidmatan Bangunan dan Jabatan Kemajuan, JKR.

Sebanyak 11 pasukan telah menyertai kejohanan tersebut yang dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu Kumpulan 'A' dan Kumpulan 'B'.

Bagi peringkat separuh akhir pertama yang berlangsung pada 8 Oktober 2026, Pasukan DDS berjaya melayakkan diri ke perlawanan akhir setelah menewaskan pasukan DTS dengan jaringan 9 - 0. Manakala dalam perlawanan separuh akhir kedua pada 10 Oktober 2026, Pasukan UKUR berjaya menewaskan Pasukan DG dengan jaringan 7 - 1.

Turut menerima Anugerah Penjaring Terbanyak dan Pemain Terbaik bagi kejohanan tersebut ialah Awang Safwan Amaluddin bin Sabli daripada Pasukan UKUR, yang berjaya menjaringkan sebanyak 19 gol sepanjang kejohanan berlangsung.

Turut hadir menyaksikan perlawanan akhir berkenaan, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr. Chin Wei Keh; Pemangku Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta para pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Kejohanan berkenaan bukan sahaja menjadi medan pertandingan sukan, malah turut menyediakan ruang kepada para pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan serta jabatan-jabatan di bawahnya untuk berinteraksi di luar persekitaran kerja.

Penglibatan dalam aktiviti seumpama tersebut dapat menyumbang kepada pembentukan warga kerja yang lebih aktif, berdisiplin dan mempunyai semangat kesukanan yang tinggi. Di samping itu, penyertaan daripada pelbagai jabatan memberi peluang untuk mengenal pasti pemain-pemain yang berpotensi serta mengembangkan bakat mereka bagi mewakili jabatan dan kementerian dalam pertandingan bola sepak pada masa akan datang.

Acara badminton SKBD Ke-V, 2026 melabuhkan tirai



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian pingat kepada para pemenang.

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami

TUTONG, Khamis, 12 November. – Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-V, Tahun 2026 bagi acara pertandingan badminton hari ini menutup tirainya dengan Majlis Penyampaian Pingat yang mengambil tempat di Kompleks Sukan Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian pingat kepada para pemenang, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu.

Secara keseluruhannya, pertandingan badminton berkenaan telah dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu Kategori Berpasukan; Kategori Perseorangan Lelaki dan Wanita; dan juga Kategori Beregu Lelaki dan Wanita.

Bagi Kategori Berpasukan, pingat emas dirangkul oleh pasukan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD); diikuti dengan pingat perak bersama dimenangi oleh Pasukan Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan Pasukan Daerah Temburong; manakala Pasukan Daerah Tutong menerima pingat gangsa.

Sementara bagi Kategori Perseorangan Lelaki, pingat emas telah disandang oleh Dessen Chung Min Tin dari Pasukan DBM; diikuti dengan Md. Talipuddin bin Ermadena dari Pasukan MS SSBD sebagai pemenang pingat perak; manakala pingat gangsa bersama milik Lim Ren Jun dari Pasukan Daerah Tutong dan Abdul Mateen bin Seri Puspa dari Pasukan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB).

Bagi Kategori Perseorangan Wanita pula telah menyaksikan pingat emas dirangkul oleh Iszchi Meij Reciproco Borro dari Pasukan DBM; manakala pingat perak diberikan kepada Rachel Pong Xue Ting dari Pasukan MS SSBD; sementara pingat gangsa bersama disandang oleh Musfirah binti Haji A. Yussop dari Pasukan Daerah Tutong dan Nurul Fatin Faarihah binti Mohd. Suhud dari Pasukan Daerah Temburong.

Sementara itu, pemenang pingat emas bagi Kategori Beregu Lelaki dirangkul oleh Md. Haziq bin Roze dan Md. Izzuddin bin Md. Ermadena dari Pasukan MS SSBD; manakala pingat perak pula diberikan kepada Md. Farish Fakhrullah bin Awang Hamzah dan Md. Syazri bin Sumardi dari Pasukan DBM; diikuti dengan pingat gangsa bersama diterima oleh Md. Akmal Firdaus bin Md. Ali dan Md. Raihan Rahman bin Azmay dari Pasukan MS ABDB; dan juga pasangan Md. Syazwi bin Sumardi dan Md. Danish Zharfan bin Ashrin dari Pasukan Daerah Tutong.

Bagi Kategori Beregu Wanita pula menyaksikan pingat emas disandang oleh pasangan dari Pasukan MS SSBD, Nurul Asyikin Mu'izzah binti Md. Suhud dan Nyau Chai Yie@Sherreen; diikuti dengan pingat perak diterima oleh Chenelle Moo Shann dan Ngau Fong Ying dari Pasukan Daerah Belait; manakala pingat gangsa bersama diperoleh pasangan Najwa Adyarina binti Haji Amidon dan Nur Insyirah Wafiqah Amirah binti Ismail dari Pasukan DBM; dan juga pasangan daripada pasukan Daerah Temburong, iaitu Mary Magdalena Glory binti Jumat dan Nur Izzati Syahirah binti Haji Abdul Razak.

SKBD yang mula diadakan pada 2012 merupakan kejohanan peringkat kebangsaan yang menjadi wadah menghimpunkan atlet dari seluruh negara untuk bersaing dalam pelbagai acara sukan.

Sehubungan itu, acara badminton berkenaan merupakan antara sukan yang dipertandingkan dalam SKBD Ke-V, 2026 yang membawa tema 'Bersama Mengejar Kegemilangan', sekali gus menjadi platform bagi para atlet untuk memperlihatkan keupayaan, meningkatkan prestasi serta menyemarakkan semangat kesukanan dalam kalangan kontinjen yang bertanding.

Acara berkenaan juga diharap akan dapat menyemarakkan lagi pembangunan sukan badminton di negara ini, di samping mencungkil bakat-bakat baharu yang berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Dalam pada itu, kejohanan melalui SKBD juga berperanan sebagai platform untuk mengenal pasti bakat atlet yang berpotensi, khususnya dalam kalangan belia, sebagai persediaan mewakili negara ke kejohanan sukan berprestij di peringkat serantau dan antarabangsa.

PENYAMPAIAN PINGAT SUKAN OLAHRAGA SKBD



PRESIDEN BDAF, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Mu'min ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berangkat bagi menyempurnakan majlis penyampaian pingat kepada para pemenang bagi beberapa acara padang dan balapan SKBD Ke-V.

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Jumaat, 13 November. - Sukan Olahraga Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-V, Tahun 2026 diteruskan dengan penyampaian pingat kepada para pemenang bagi beberapa acara padang dan balapan yang dipertandingkan, baru-baru ini.

Acara Larian Relay 4x100m Kategori Wanita, pasukan daripada kontinjen Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) meraih pingat emas, diikut dengan kontinjen Pasukan Daerah Brunei dan Muara (DBM) mendapat pingat perak seterusnya pingat gangsa diraih oleh kontinjen Pasukan Daerah Tutong.

Manakala, Kategori Lelaki pula, Pasukan DBM tampil menguasai acara tersebut untuk mendapatkan pingat emas, Pasukan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) dan MS SSBD masing-masing memperoleh perak dan gangsa.

Bagi Acara Larian Relay 4x400m Kategori Wanita pula, Pasukan MS SSBD menambah lagi kutipan emas, manakala pingat perak pula diraih oleh Pasukan DBM dan Pasukan Daerah Tutong meraih pingat gangsa.

Bagi Kategori Lelaki, Pasukan Daerah Tutong berjaya merangkul pingat emas, Pasukan MS SSBD terpaksa akur dengan kalungan pingat perak dan Pasukan MS ABDB membawa pulang pingat gangsa.

Berangkat bagi menyempurnakan majlis penyampaian pingat kepada pemenang, Presiden Persekutuan Olahraga Kebangsaan Brunei Darussalam (BDAF), Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Mu'min ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Terdahulu, hadir bagi menyampaikan pingat kepada pemenang bagi Acara Lontar Peluru Kategori Lelaki dan Lompat Kijang Kategori Lelaki ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Pasukan MS ABDB menambahkan lagi kedudukan emas bagi Acara Lontar Peluru tersebut diikuti dengan Pasukan Daerah Temburong dan Daerah Tutong masing-masing meraih pingat perak dan gangsa.

Acara Lompat Kijang Kategori Lelaki pula, Pasukan DBM berjaya memperoleh pingat emas dan pingat perak manakala MS SSBD berjaya meraih pingat gangsa.

Panchor Murai FC ikat 24 pemain U19

Siaran Akhbar dan Foto :
Ahli Jawatankuasa Pengurusan Panchor Murai U19

GADONG, Jumaat, 13 November. - Seramai 24 pemain muda telah mengesahkan secara rasmi untuk menyertai Kelab Bola Sepak Panchor Murai FC (PM FC) apabila menandatangani kontrak pemain bawah 19 tahun (U19) pada Majlis Penandatanganan Kontrak dengan PM FC berlangsung di Hit Space, Bangunan Forum, di sini.

Pemilik PM FC, Awang Jaafar bin Haji Osman berkata majlis berkenaan menjadi tirai penting kemajuan PM FC dan menjadi satu langkah penting dalam usaha kelab memperkukuh pembangunan bola sepak akar umbi serta menyediakan platform kepada pemain-pemain muda untuk mengembangkan bakat dan seterusnya menimba pengalaman dalam arena bola sepak yang lebih kompetitif.

"Penubuhan skuad U19 itu juga mencerminkan komitmen kelab bola sepak ini dalam melahirkan generasi pemain muda yang memiliki kemahiran teknikal dan kecergasan fizikal, malah turut mengamalkan disiplin, semangat berpasukan serta sikap profesional dalam sukan bola sepak," ujarnya.

Sementara itu, Ketua jurulatih U19 PM FC, Awang Mohd. Faizan Abd. Rahman berkata melalui ikatan kontrak tersebut, kesemua 24 pemain diharap dapat memanfaatkan peluang yang diberikan dengan menunjukkan kesungguhan, komitmen dan konsistensi sepanjang menjalani latihan serta menghadapi cabaran pertandingan.

Katanya lagi, inisiatif berkenaan turut menjadi sebahagian daripada perancangan jangka panjang kelab ini dalam membina kesinambungan pembangunan pemain, sekali gus membuka laluan kepada bakat-bakat muda untuk berpeluang diketengahkan ke peringkat skuad senior pada masa akan datang.

Bagi pihak pengurusan katanya, penandatanganan kontrak berkenaan akan menjadi titik permulaan kepada perjalanan baharu pemain-pemain U19 untuk terus berusaha, meningkatkan prestasi dan menjulang nama PM FC dengan jayanya.


Hadir pada majlis berkenaan bagi sama-sama memberi sokongan ialah Ketua Kampung Panchor Murai, Awang Moktal bin Haji Besar dan barisan pengurusan kelab serta ibu bapa pemain.

Skuad U19 PM FC yang kini membuat persiapan lawatan yang tersusun, dijangka akan menyertai Kejohanan Belia U19 anjuran Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) pada tahun ini.



KETUA Kampung Panchor Murai, Awang Moktal bin Haji Besar hadir pada majlis berkenaan bagi memberi sokongan pada Majlis Penandatanganan Kontrak dengan Kelab Bola Sepak Panchor Murai FC yang berlangsung di Hit Space, Bangunan Forum.

Atlet olahraga negara mara ke peringkat akhir 200m



ATLET olahraga negara, Muhd. Nazul Putera Faeiz Firdaous @ Muhammad Nazyl Putera Faeiz Syurgawi bin Fakhri Zul Khairi mencipta pencapaian membanggakan apabila berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir acara 200 meter pada temasya Sukan Belia Olimpik Ke-4 2026.

Siaran Akhbar dan Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Belia Olimpik Ke-4 2026

DAKAR, SENEGAL, Rabu, 11 November. - Atlet olahraga negara, Muhd. Nazul Putera Faeiz Firdaous @Muhammad Nazyl Putera Faeiz Syurgawi bin Fakhri Zul Khairi mencipta pencapaian membanggakan apabila berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir acara 200 meter (m) pada temasya Sukan Belia Olimpik Ke-4 2026 (4th Youth Olympic Games 2026) di Dakar, Senegal.

Dalam perlumbaan yang berlangsung hari ini, beliau mencatatkan masa 22.27 saat, sekali gus memperbaharui rekod peribadi terbaik (Personal Best) berbanding catatan sebelumnya, iaitu 23.03 saat.

Peningkatan sebanyak 0.76 saat itu membuktikan perkembangan positif prestasi beliau dalam acara berkenaan.

Lebih membanggakan, kejayaan tersebut turut melakar sejarah tersendiri apabila Muhd. Nazul Putera Faeiz Firdaous@ Muhammad Nazyl Putera Faeiz Syurgawi menjadi atlet olahraga pertama Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berjaya mara ke peringkat akhir acara 200m pada temasya sukan berprestij itu.



Pencapaian berkenaan bukan sahaja menjadi kebanggaan negara, malah mencerminkan kesungguhan, komitmen dan usaha berterusan beliau dalam mengharumkan nama NBD di persada sukan antarabangsa.

Sehubungan itu, seluruh kontinjen negara serta rakyat NBD diharap akan terus memberi sokongan dan semangat kepada Muhd. Nazul Putera Faeiz Firdaous @Muhammad Nazyl Putera Faeiz Syurgawi menjelang perlumbaan akhir nanti.

PELITA BRUNEI



DBM JUARA REGU, MS PPDB UNGGULI QUADRANT SEPAK TAKRAW SKBD

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

SUNGAI KEBUN, Jumaat, 13 November. - Daerah Brunei dan Muara (DBM) muncul juara sepak takraw Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-V, Tahun 2026 bagi Kategori Regu, manakala Kategori Quadrant menjadi milik Majlis Sukan Pasukan Polis Diraja Brunei (MS PPDB).

Hadir selaku tetamu kehormat pada perlawanan akhir yang berlangsung di Kompleks Sukan Sungai Kebun, di sini, dan seterusnya menyempurnakan penyampaian pingat kepada para pemenang, ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Dalam perlawanan akhir Kategori Regu, Pasukan DBM berjaya menundukkan MS ABDB dengan keputusan 15 - 8, 12 - 15 dan 15 - 9.





YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) hadir selaku tetamu kehormat pada perlawanan akhir yang berlangsung di Kompleks Sukan Sungai Kebun (kanan), manakala gambar bawah kiri, antara aksi perlawanan berkenaan.

Susulan kemenangan tersebut, Pasukan DBM meraih pingat emas, diikuti MS ABDB dengan pingat perak, manakala Pasukan Daerah Belait dan MS PPDB berkongsi pingat gangsa.

Terdahulu, dalam perlawanan akhir kategori Quadrant, Pasukan MS PPDB merangkul pingat emas selepas menewaskan DBM dengan keputusan 12 - 15, 8 - 15, manakala Pasukan Daerah Temburong dan MS ABDB berkongsi pingat gangsa.

Sehubungan itu, acara sepak takraw merupakan antara sukan yang dipertandingkan dalam SKBD Ke-V, Tahun 2026 yang membawa tema 'Bersama Mengejar Kegemilangan', sekali gus menjadi platform bagi para atlet untuk memperlihatkan keupayaan, meningkatkan prestasi serta menyemarakkan semangat kesukanan dalam kalangan kontinjen yang bertanding.

Acara berkenaan juga diharap dapat menyemarakkan lagi pembangunan sukan sepak takraw di negara ini, di samping mencungkil bakat-bakat baharu yang berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Dalam pada itu, kejohanan melalui SKBD juga berperanan sebagai platform untuk mengenal pasti bakat atlet yang berpotensi, khususnya dalam kalangan belia, sebagai persediaan mewakili negara ke kejohanan sukan berprestij di peringkat serantau dan antarabangsa.

Walkaton anjuran KUPU SB sempena Hari Diabetes Sedunia

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ihsan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 November. - Sebagai salah satu inisiatif untuk menggalakkan gaya hidup sihat dan semangat kebersamaan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Kelab Fikrah, Fakulti Usuluddin pagi tadi menganjurkan Program Langkah Sihat, Elak Gula: Diabetes Awareness Walk.

Hadir menyertai program berkenaan, Ra'es, KUPU SB, Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad.

Turut hadir, pegawai-pegawai eksekutif, pegawai-pegawai utama, pensyarah, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa mahasiswi KUPU SB.

Program walkaton bersempena Hari Diabetes Sedunia itu bermula dari kampus KUPU SB dan berakhir di Taman Mahkota Jubli Emas.

Melalui program seumpama ini, para peserta diharap dapat menghayati nilai ukhuwah Islamiah, mengeratkan hubungan silaturahim serta membudayakan amalan hidup sihat sebagai sebahagian daripada gaya hidup seorang Muslim.

Ia juga menjadi medium terbaik dalam membentuk nilai disiplin, kerjasama, semangat kesukanan serta menggalakkan penglibatan aktif warga KUPU SB dalam program pembangunan sahsiah dan komuniti.



KOLEJ Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan melalui Kelab Fikrah, Fakulti Usuluddin semasa menganjurkan Program Langkah Sihat, Elak Gula: Diabetes Awareness Walk.

TAHUKAH AWDA

PUSAT Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) ditubuhkan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 2013, pusat ini menumpukan kepada seni khat dan seni Islam. Galerinya dirasmikan pada 2020 dan sering menganjurkan festival, bengkel serta pameran seni kaligrafi Islam. Bangunan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam YSHHB, Rumah Semaun. Terdapat tiga ruang galeri iaitu Galeri Lauhah Al-Islamiah, Galeri Al-Aswad dan Galeri At-Tasmeem.

SUMBER : *https://yshhb.org.bn*